

"DAN sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan (kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu). Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar".
 - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 155.

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
 Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Memantapkan kemahiran, kecekapan advokasi

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Ogos. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) petang tadi mengadakan penutup Kursus Asas Advokasi Syariah bagi tahun 2023 anjuran bersama Mahkamah Syariah yang telah dijalankan selama dua hari bermula 3 hingga 5 Ogos 2023.

Majlis penutup yang dihadiri seramai 48 peserta itu berlangsung di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Turut hadir sama, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang), JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-undang), JPM; pegawai-pegawai daripada Mahkamah-mahkamah Syariah, Bahagian Pendakwaan Syarie; peguam-peguam Syarie daripada firma-firma guaman di Negara Brunei Darussalam serta peserta-peserta kursus yang terdiri daripada graduan yang layak untuk beramal di Mahkamah Syariah, graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan juga graduan dari institusi luar negara yang telah lulus dalam kursus perundangan Syariah di tahap profesional.

>> Muka 7

BERANGKAT ADAKAN LAWATAN KERJA KE SEKOLAH YSHHB



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenan berangkat membuat lawatan kerja ke Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).
 - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenan berangkat membuat lawatan kerja ke Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di Jalan Kebangsaan.

>> Muka 3

Cabaran, dugaan menguatkan hati, akal manusia

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Ogos. - Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan kepada semua hamba-Nya bahawa beban, tekanan dan cabaran yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala merupakan salah satu cara untuk manusia itu diangkat darjatnya.

Semua cabaran dan dugaan yang ada adalah untuk menguatkan hati dan akal

manusia itu sendiri. Sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Baqarah, ayat 286 yang tafsirnya, "Allah Subhanahu Wata'ala tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya".

>> Muka 5

Pesta Buku Brunei 2023 dirasmikan

Oleh : Nooratini Haji Abas

BERAKAS, Sabtu, 5 Ogos. - Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei (PBB) 2023 berlangsung di Dewan Perpaduan, Pusat Persidangan Antarabangsa dan disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan,

Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, selaku tetamu kehormat majlis.

>> Muka 6



Berita Utama



DIALOG Serantau Borneo-Kalimantan Ke-15 tutup tirai

Muka 8



PERASMIAN Mesyuarat Agong PNI 2023-2027

Muka 10



MENGETENGAHKAN Pembelajaran Teradun, pertingkatkan kreativiti pelajar

Muka 12



BERKECIMPUNG dalam pembacaan Al-Quran sejak remaja

Muka 20

Belia negara perlu siap siaga hadapi cabaran masa hadapan

**Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillahrabbi 'Alamin, Wassalatu
Wassalamu 'Ala Ashrafil Anbiya-l-Wal
Mursalin, Sayyidina Muhammaddin
Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'iin**

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh**

ALHAMDULILAH, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W, kaum keluarga, para sahabat serta pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan penuh hormat dan takzim, hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan bagi pihak Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023, serta para belia Negara Brunei Darussalam (NBD), merafakkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18 pada pagi ini dan seterusnya berkenan mengurniakan titah, menyempurnakan pengurniaan anugerah-anugerah dan berangkat bercemar duli ke Pameran Hari Belia.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke sambutan ini mencerminkan keprihatinan dan pemedulian Kebawah Duli Tuan Patik terhadap apa jua isu dan perkembangan belia. Keberangkatan ini tentunya akan

memberikan makna yang tersendiri dan akan menjadi ristaan kepada para belia di NBD, di samping menyuntik semangat kepada para belia untuk terus giat mengandakan usaha dalam menyumbangkan idea dan tenaga bagi sama-sama mencapai matlamat utama Dasar Belia Negara dan Strategi yakni DBNS 2020 - 2035 serta Wawasan Negara 2035.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyumbangkan bahawa tema Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini masih mengekalkan tema pada tahun-tahun lepas iaitu 'Belia Siaga Masa Depan'. Tema ini dilihat masih relevan dan selaras dengan hasrat murni Kebawah Duli Tuan Patik yang ingin melihat belia Brunei siap siaga dengan pelbagai ilmu dan kemahiran, pemikiran yang progresif serta jati diri yang mantap untuk menghadapi apa jua cabaran di masa hadapan.

Belia sebagai generasi harapan bangsa dan negara bakal memikul tanggungjawab meneraju negara masa kini dan di masa hadapan. Oleh itu, melahirkan belia yang cemerlang dan siaga masa depan adalah impian negara. Belia perlu mampu memanfaatkan peluang dari transformasi teknologi dan ekonomi bagi memajukan diri, memartabatkan bangsa dan seterusnya melonjakkan pembangunan negara ke tahap yang lebih tinggi dan mampan.

Dalam membangun potensi belia, tidak dinafikan pendekatan senegara adalah sangat signifikan bagi memastikan apa juga perancangan dan program yang dilaksanakan adalah efektif dan berimpak tinggi serta menyumbang kepada pencapaian visi serta matlamat DBNS 2020 - 2035.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik sukacita menyumbangkan bahawa pelaksanaan Pelan

Tindakan DBNS 2020 - 2024 dan juga Rancangan Kerja Belia ASEAN 2021 - 2025 serta Rancangan Kerja Belia ASEAN Plus Three yang melibatkan 10 Negara ASEAN dan rakan dialog pada masa ini adalah berjalan dengan lancar.

Pelan-pelan tindakan ini akan sentiasa dikemas kini untuk mencapai Prestasi Petunjuk Utama dan matlamat DBNS 2020 - 2035 dengan mengambil kira persekitaran semasa.

Dalam sumbangan belia ke arah Matlamat Pembangunan Mampan atau 'Sustainable Development Goals' yakni SDG, Dialog Belia SDG telah dilaksanakan bersama pihak-pihak berkepentingan dengan sokongan United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific [UN ESCAP] pada 15 hingga 17 Mei 2023. Di akhir dialog tersebut, SDG Youth Statement telah dihasilkan dan dijadikan sebahagian daripada laporan Voluntary National Review (VNR) yang telah disampaikan di High-Level Political Forum on Sustainable Development di New York baru-baru ini. Dalam memastikan kesinambungan dialog tersebut, pihak Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah mengumumkan BIBD Sustainability Youth Leaders Award sebagai dorongan kepada belia untuk menghasilkan projek yang memberi impak kepada SDG.

Dari aspek kesukarelawanan, aplikasi Mengalinga yang dilancarkan pada tahun 2021, telah merekodkan lebih dari 340 pelaksanaan Program Kesukarelawanan di seluruh negara dan setakat ini sebanyak lebih 2,700 individu dan 160 buah organisasi berdaftar di dalam sistem tersebut.

Bermula 1 Ogos ini, perisian aplikasi Mengalinga akan dinaik taraf dengan menambah ciri-ciri baharu yang secara tidak



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad Semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-18, Tahun 2023 pada Selasa, 1 Ogos 2023 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

langsung akan dapat menarik lebih ramai golongan belia dan masyarakat untuk melaksanakan aktiviti kesukarelawanan dan terus menyumbang khidmat kepada masyarakat.

Konsep Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini adalah tertumpu kepada 'Aspirasi Belia' yang akan menonjolkan perpaduan yang harmoni di antara golongan belia selaku pemimpin masa depan negara. Konsep ini memfokuskan kepada tiga bidang utama iaitu : pertama Sumbangan Belia; kedua Kemahiran dan ilmu dan ketiga Warisan dan Budaya.

>> Muka 6

WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASIHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
7	ISNIN	20	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.35	7.48
8	SELASA	21	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.35	7.47
9	RABU	22	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
10	KHAMIS	23	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
11	JUMAAT	24	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.44	6.34	7.46
12	SABTU	25	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.44	6.34	7.46
13	AHAD	26	4.47	4.57	6.17	6.40	12.26	3.43	6.34	7.46

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan 32 25 °C	33 25 °C	33 26 °C	
Pekan Bangar 31 25 °C	33 25 °C	33 26 °C	
Pekan Tutong 32 25 °C	33 25 °C	33 26 °C	
Kuala Belait 31 25 °C	33 26 °C	33 26 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

7 OGOS 2023

Waspada dengan keadaan cuaca

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini masih berada dalam Monsun Barat Daya, di mana angin Barat Daya adalah dominan dengan keadaan atmosfera yang stabil.

Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam (BDMD) baru-baru ini juga memaklumkan bahawa NBD telah mengalami keadaan sedikit berjerebu sejak 25 Julai hingga hari ini.

Keadaan berjerebu ini adalah disebabkan oleh jerebu asap yang berasal dari jerebu rentas sempadan yang berasal dari negara-negara jiran yang ditiup oleh angin Barat Daya ke NBD.

Stesen Pencerapan Kaji cuaca di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah merekodkan penurunan jarak penglihatan mendatar antara 7 kilometer (km) hingga 9 km.

Dalam beberapa minggu akan datang, NBD dijangka akan terus mengalami keadaan berjerebu di tahap sedikit disebabkan oleh kurangnya aktiviti dan jumlah turutan hujan setempat.

Permukaan suhu udara dijangka lebih panas daripada biasa, di mana suhu maksima dijangka antara 33 darjah Celcius ke 35 darjah Celcius.

Meskipun keadaan jerebu di negara ini pada tahap yang sedikit, namun kita sepatutnya memainkan peranan untuk tidak melakukan pembakaran terbuka.

Pembakaran terbuka sering kali mengundang masalah pencemaran udara terutama ketika musim cuaca panas dan kering. Pelbagai kesan buruk boleh berlaku sekiranya aktiviti pembakaran terbuka berlaku tanpa kawalan.

Sehubungan itu juga, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku.

Terdapat risiko berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat dan semasa kejadian air pasang.

Risiko kejadian pokok tumbang dan tanah susur juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin.

Sementara itu, para pemandu di jalan raya dan para pelaut juga dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh BDMD dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Pihak BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit kami iaitu Brunei WX, kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

- Ketua Penyuntingan (Kr)

Berangkat adakan lawatan kerja ke Sekolah YSHHB



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hanif A. Halit

>> Muka 1

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, selaku Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi

Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Ahli Lembaga Pengarah dan juga Pengerusi Lembaga Tadbir Sekolah YSHHB; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Ahli Lembaga Pengarah dan juga Timbalan Pengerusi Lembaga Tadbir Sekolah YSHHB; Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji

Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB dan Ahli Lembaga Tadbir Sekolah YSHHB serta Ahli-ahli Lembaga Tadbir Sekolah YSHHB.

Sejurus keberangkatan, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung bagi bergambar ramai dan seterusnya berkenan menyaksikan 'Wall of Excellence' yang memaparkan pencapaian-pencapaian terbaik para pelajar sekolah dalam bidang akademik dan non-akademik, sebelum berangkat ke Bilik Mesyuarat bagi mendengarkan sembah taklimat.

Dalam sembah alu-aluannya, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB, menyebarkan bahawa visi dan misi sekolah untuk menyediakan Pendidikan Abad Ke-21 adalah selaras dengan Wawasan Brunei 2035 yang bukan hanya menghasilkan keputusan peperiksaan yang

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika berkenan ke Bilik Mesyuarat bagi mendengarkan sembah taklimat (kiri), manakala gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima pesambah daripada pihak sekolah.

cemerlang malah menghasilkan rakyat yang berkemahiran tinggi dan berjaya.

"Alhamdulillah, pencapaian sekolah dalam bidang akademik yang dinilai daripada pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam, iaitu peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan peperiksaan Brunei-Cambridge General Certificate of Education (GCE) 'O' Level telah menunjukkan prestasi yang sangat membanggakan.

"Pencapaian pelajar dalam peperiksaan PSR dari tahun 2019 hingga tahun 2022 mencatatkan

pencapaian di mana lebih 95 peratus (%) pelajar memperoleh gred 'A' hingga 'C' dalam lima mata pelajaran. Manakala, pencapaian keputusan pelajar-pelajar dalam peperiksaan GCE 'O' Level dari tahun 2019 hingga tahun 2022 juga menunjukkan lebih 70% pelajar telah mendapatkan sekurang-kurangnya lima kredit. Walaupun program pembelajaran juga menghadapi cabaran pandemik COVID-19 ketika itu," ujar Yang Berhormat.

>> Muka 4



DYTM ketika berkenan meninjau beberapa buah bilik pembelajaran dan pengajaran pada lawatan tersebut (atas).



SEKITAR aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pelajar-pelajar semasa Lawatan Kerja DYTM (kanan).



DYTM berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan (atas) manakala gambar bawah, antara aktiviti persembahan yang dipersembahkan oleh pelajar-pelajar semasa Lawatan Kerja DYTM.





DULI Yang Teramat Mulia berkenan dijunjung bergambar ramai semasa Lawatan Kerja ke Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

>> Muka 3

Sekolah YSHHB sembah Yang Berhormat, juga menitikberatkan terhadap pembangunan keperibadian pelajar secara holistik termasuk dari segi kerohanian, akhlak, intelek, dan sosial. Pencapaian sekolah dan pelajar dalam kegiatan kokurikulum juga sangat menggalakkan.

"Sekolah ini telah mencatat beberapa kejayaan dalam beberapa aktiviti kokurikulum di peringkat negara, serantau dan antarabangsa. Sekolah ini juga mengikuti beberapa program pengantarabangsaan dan pertukaran pelajar bersama institusi-institusi pengajian di luar negara seperti bersama River Valley High School, Singapura dan Wakayama Prefecture, Jepun telah dapat memberikan pendedahan dan pengalaman kepada para pelajar dan guru ke arena antarabangsa," tambah Yang Berhormat.

Acara diteruskan dengan sembah taklimat mengenai perkembangan dan pencapaian Sekolah YSHHB yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB dan Ali Lembaga Tadbir Sekolah YSHHB dan diikuti dengan sesi soal jawab.

Sekolah YSHHB yang terdiri daripada Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), sekolah rendah dan sekolah menengah menawarkan perkhidmatan pendidikan daripada peringkat

kelas bimbingan kanak-kanak (*nursery / kindergarten*) hingga menengah Tahun 11.

Selain itu, kelas bagi pengajian sekolah agama (di bawah kelolaan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama) juga disediakan pada sebelah petang.

Sekolah ini juga turut dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang terkini dan bersesuaian bagi menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.

Selain daripada mempraktikkan kurikulum nasional yang disediakan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Sekolah YSHHB memberi perhatian terhadap penerapan falsafah kebangsaan Melayu Islam Beraja (MIB) dalam setiap program pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti kokurikulum pelajar.

Penerapan falsafah kebangsaan berkenaan diperkenalkan kepada para pelajar seawal peringkat Taman Asuhan sehingga ke peringkat menengah.

Selaras dengan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN 21), Sekolah YSHHB juga mengoptimalkan penggunaan teknologi digital dalam sistem pembelajaran dan pengurusan sekolah.

Sejak tahun 2016, sekolah berkenaan diiktiraf sebagai Microsoft Showcase School di Negara Brunei Darussalam. Pada tahun ini, Sekolah YSHHB menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Advanced Neural Technology for Teaching (ANTT) Robotics,

Korea.

Semasa lawatan kerja berkenaan, DYT berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan dan berkenan menerima pesembah yang disebarkan oleh pihak Sekolah YSHHB.

Atur cara diteruskan lagi dengan keberangkatan lawatan DYT bermula dari TASKA, diikuti dengan sekolah rendah dan berakhir di sekolah menengah.

Sebelum berangkat ke TASKA, DYT berkenan meninjau Perpustakaan Sekolah YSHHB dan menyaksikan lebih dekat aktiviti bacaan oleh pelajar sekolah rendah serta aktiviti kajian oleh pelajar sekolah menengah termasuk pameran seni dan kraf.

Di TASKA, DYT berangkat menyaksikan aktiviti-aktiviti dan kemudahan yang tersedia bagi kanak-kanak di TASKA seperti kolam renang dan taman permainan, serta aktiviti bacaan yang dilaksanakan di Playhouse.

Di dewan TASKA pula, DYT disebarkan dengan aktiviti bilik darjah dan luar bilik darjah seperti persembahan muzik, pembelajaran digital daripada pelajar KG2 Green, persembahan kebudayaan (Mandarin), Road Safety serta berkenan berangkat ke Mini Perpustakaan TASKA.

DYT kemudiannya dijunjung berangkat ke Sekolah Rendah YSHHB dengan DYT berkenan meninjau beberapa bilik pengajaran dan pembelajaran antaranya Bilik ICT, Makmal Sains dan Kelas 3 Uranus.

Semasa di sekolah rendah, DYT juga disebarkan dengan beberapa aktiviti oleh para pelajar sekolah rendah seperti

persembahan silat, bermukun, aktiviti kaligrafi, pameran lpad termasuk menyaksikan Taman Mini yang diusahakan oleh para pelajar daripada Tahun 4 hingga Tahun 6 yang menanam pohon-pohon seperti papaya, limau kasturi, lada dan juga terung.

Dari sekolah rendah, DYT meneruskan lawatan kerja ke Sekolah Menengah YSHHB dan dijunjung bagi menyaksikan pelbagai pameran oleh para pelajar sekolah antaranya Pameran Program Glow, projek perniagaan, Sains, Bahasa Melayu dan Business, Art & Technology.

Penerangan mengenai penyertaan pelajar Sekolah YSHHB dalam Program Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kreativiti & Matematik (STEAM 2023) disebarkan oleh cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil.

DYT juga disebarkan dengan persembahan aktiviti kegiatan kurikulum (CCA), iaitu karate yang turut disertai oleh cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil.

Turut menarik perhatian DYT ialah pameran ICT, persembahan

drama dan juga pameran Sains. Sepanjang lawatan kerja berkenaan, DYT juga berkenan berinteraksi dan beramah-mesra bersama para pelajar dan tenaga pengajar sekolah.

Populasi keseluruhan pelajar bagi ketiga-tiga sekolah berkenaan adalah seramai 2,005 pelajar dengan seramai 128 tenaga pengajar profesional dan terlatih.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 463 adalah pelajar TASKA, 1,082 pelajar sekolah rendah dan 460 pelajar sekolah menengah.

Sebelum berangkat balik, DYT berkenan bagi Majlis Santap Tengah Hari dan seterusnya bergambar ramai bersama ahli-ahli jawatankuasa sekolah.

Keberangkatan DYT Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ke Sekolah YSHHB mencerminkan tanda keprihatinan DYT terhadap usaha dan rancangan YSHHB dalam bidang pendidikan.

Bidang pendidikan merupakan salah satu daripada lima objektif utama penubuhan YSHHB. Pelan Strategik YSHHB 2020 - 2025 juga menggariskan penglibatan dan komitmen YSHHB terhadap bidang pendidikan, iaitu melalui Matlamat Strategik (SG) - 'Menyokong Pencapaian Pendidikan Yang Berkualiti dan Saksama' yang juga sejajar dengan matlamat Wawasan Brunei 2035, iaitu bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran.



DYT berkenan menerima sembah penerangan daripada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil dan berkenan menyaksikan persembahan karate yang juga turut disertai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil (atas dan kiri).

KONGSI PENGALAMAN USAHAWAN BERJAYA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PADA majlis berkenaan, para peserta berkesempatan mendengarkan mengenai pengalaman dan perkongsian kejayaan para usahawan dan pemimpin perniagaan dalam bidang yang mereka ceburi bermula dari bawah sehingga berjaya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Ogos. - Nilai teras dalam kebanyakan niaga masa kini antaranya ialah melaksanakan perbuatan yang baik serta bermanfaat sambil menjalankan perniagaan yang hebat dan sebagai contoh ialah keuntungan syarikat disalurkan bagi membangunkan sekolah dan

hospital di kawasan luar bandar. Meskipun ia organisasi bukan keuntungan yang menjaga kebajikan warga emas dalam komuniti mereka, namun impak keusahawanan sosial semakin meningkat di peringkat global dengan beberapa syarikat seperti Wardah Beauty di Indonesia yang pada mulanya merupakan perniagaan yang diterajui wanita yang membangunkan produk kecantikan halal, semula jadi, bebas alkohol yang sesuai untuk masyarakat Islam.

Kesedaran tentang kekuatan,



PENGASAS muBn LGC, Dr. Dayang Hajah Mona Yati binti Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd. Kassim, yang juga sebagai Duta GMWx Brunei ketika berucap pada majlis tersebut.

trajectori pertumbuhan dan tahap kebaikan manusia yang dicapai oleh sosial perniagaan masih terhad di negara ini.

Justeru itu, acara yang dikendalikan hari ini 'The Inaugural GMWx Continuum Spark Award Launch and Social Impact Business Workshop' merupakan salah satu daripada sembilan acara profesional global yang dilancarkan pada Ogos 2023 bertujuan untuk mempamerkan beberapa usahawan yang berjaya dari Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Australia.

Berkenan berangkat menyeronjolkan majlis yang berlangsung di Sparks Hub, di sini ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Penaung Diraja Zahara Charity Foundation.

Majlis anjuran muBn Learning and Growth Company (LGC) berkenaan disertakan oleh Pengasas muBn LGC, Dr. Dayang Hajah Mona Yati binti Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd. Kassim, yang juga sebagai Duta GMWx Brunei.

Dalam ucapannya, Dr. Dayang Hajah Mona Yati menyatakan bahawa acara berkenaan adalah bertepatan pada masanya dan juga sangat diperlukan kerana beliau percaya para usahawan dari negara ini boleh menjadi mampan serta beralih kepada tindakan dalam perniagaan dengan syarat mereka melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran yang betul dengan dorongan yang tertentu.

Seramai 42 peserta menyertai bengkel berkenaan dengan para peserta diberikan pengetahuan



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Penaung Diraja Zahara Charity Foundation berkenan berangkat ke The Inaugural GMWx Continuum Spark Award Launch and Social Impact Business Workshop.

tentang Rangkaian Kerja Muslim Global (GMW) dan seterusnya melancarkan Anugerah Spark Continuum dengan bertujuan untuk mencari kewangan menjadi realiti, idea terbaik untuk menyelesaikan masalah kemanusiaan.

Para peserta digalakkan untuk mengongsi idea hebat mereka bagi pertandingan yang memberi mereka peluang untuk mengutarakan idea mereka di GMW Doha dan berpeluang memenangi hadiah wang tunai bagi memulakan perniagaan sosial mereka.

Pada majlis berkenaan, para peserta berkesempatan mendengarkan mengenai pengalaman dan perkongsian kejayaan para usahawan dan pemimpin perniagaan dalam bidang yang mereka ceburi bermula dari bawah sehingga berjaya.

Sesi pertama menampilkan para usahawan terdiri daripada Co-Founder and CEO of ILMA

Pte. Ltd., Dayang Norjannah binti Haji Mahmud; Founder of Soth Life, Dr. Iznan bin Haji Tarip; dan pemilik Kunyit 7 Lodge, Pengiran Kemariah binti Pengiran Haji Duraman yang juga merupakan pemenang Anugerah AirBnB.

Selain itu, pembentangan sesi kedua juga mengetengahkan para pembentang dari luar negara antaranya Founder of Brothers in Need, Australia, Mr. Dean Mousad; Founder of Muslim Solo Travel (Malaysia), Dayang Fariha Fuaad; Founder and Director of Hume Design Consultancy (Indonesia), Dayang Raisha Nurul Ibrahim; dan Dayang Nur Sharian Abdul Rashid yang merupakan seorang pakar dan konsultan di LaunchGood.

Bengkel berkenaan merupakan peluang kepada para peserta untuk berhubung dan berkongsi idea bersama mereka yang berpengalaman agar dapat membantu dalam membina perkembangan dan kemajuan profesional diri mereka.

Cabaran, dugaan menguatkan hati, akal manusia



■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

>> **Muka 1**

Perkara tersebut antara yang telah disampaikan di dalam tazkirah bertajuk, 'Hati dan Akal' oleh Pegawai Turus Gerakan Agama, Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Kementerian Pertahanan, Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar dari Surau Al-Quwwah, Perkhemahan

Bangar, Temburong bagi menyemarakkan Malam Munajat Ke-97 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Acara Malam Munajat yang diadakan baru-baru ini mengundang tetamu khas, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman dari Masjid Pekan Seria yang juga memimpin

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama ketika hadir pada Program Malam Munajat Ke-97 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama.

bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah.

Juga hadir bagi sama-sama mengimarahkan lagi Malam Munajat, siswa-siswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); tenaga pengajar KUPU SB dan Sekolah Arab Temburong. Turut menyemarakkan, para pegawai dan anggota JAMA'AT, Kementerian Pertahanan.

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Selain itu, Malam Munajat juga diramaikan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, belia dan jemaah Masjid Pekan Seria dan Masjid Pehin Khatib Haji Abdullah, Kampung Kulapis serta daripada masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat yang keseluruhannya 91 buah di seluruh negara. Juga tidak ketinggalan menyertai, warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Awang Iswandi bin Haji Abd. Rahim dari Dewan Sekolah Arab Temburong.

Diikuti Doa Munajat dibacakan oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Asminan bin Awang Haji Chuchu dari Masjid Pehin Khatib Haji Abdullah, Kampung Kulapis.

Sejurus selesai tazkirah, bacaan Selawat Tafriyyah dipimpin oleh Mahasiswa Tahun 3 Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Islam),

KUPU SB, Awang Mohammad Hafizuddin bin Mohammad Saidin dari surau kolej berkenaan.

Bagi memberkati acara Malam Munajat, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Aminorddin bin Haji Md. Yussof dari Masjid Pekan Seria.

Malam Munajat mengajak orang ramai melipatgandakan amalan kerohanian dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan kerediaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, berdoa agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam sentiasa terpelihara dari sebarang musibah yang tidak diingini dan berjaya membendung penularan penyakit merbahaya termasuk COVID-19.

Orang ramai adalah sangat dialu-alukan untuk menyertai Malam Munajat dari mana jua berada pada setiap Sabtu (malam Ahad) dengan melayari pautan <http://tiny.cc/munajatkheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu/>.

PESTA BUKU BRUNEI 2023 DIRASMIKAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika berucap pada majlis tersebut (kanan) manakala gambar atas dan bawah kiri, Yang Berhormat ketika bergambar ramai pada Majlis Pesta Buku Brunei 2023 yang diadakan di Dewan Perpaduan, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dan menyaksikan pameran dan penjualan buku.

>> Muka 1

Majlis diselenggarakan dengan pelancaran 19 buah buku terbaharu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) iaitu Asas Menternak Itik, penulis Dr. Haji Bakar bin Haji Berudin; Penggunaan Bahasa Pada Nama Perniagaan, penulis Dayang Surinah binti Haji Nordin; Kamus Istilah Sains Marin, DBP; Dinamika Bahasa Melayu Jilid 2, DBP;

Antologi Cerpen nukilan Ha.Wa., DBP; Diangdangan Kamaruddin II, DBP; Kumpulan Sajak Istirahat Hati, penulis Pengiran Haji Amirul Amin bin Pengiran Haji Jamaluddin; Kumpulan Sajak NOTA KECIL #darifotokesajak, penulis Awang Md. Fathullah bin Haji Rashid; Kumpulan Sajak TiTiK, penulis Haji Awang Metussin bin Awang Ajak; Skrip Drama Pentas Pulau Chermin dalam Sejarah,

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

DBP; Syair Sejarah Pulau Chermin, penulis Dato Paduka Haji Omar bin Haji Mat Serudin; Asal Usul Kampung Batu Marang, penulis Dayangku Hajah Juliani @ Dayangku Hajah Aisyah Az-Zahra' binti Pengiran Haji Idris; Asal Usul Tamarok, penulis Srinarawie bin Bidzah; Kisah Si Ambok dan Si Pisang Amas, penulis Dayemo @ Abdul Aziz bin Haji Mokhtal (Omeyad); Mari Mengenalui Kuih Tradisi Brunei, DBP; Paramedik Ayra, penulis Awang Muhammad Hafizan bin Hasan; Si Belalong Dengan Naga, penulis Dayang Hajah Armah binti Haji Bair; Tuah Budiman, penulis Jawharati Hidop; dan Ustaz Kecil Akhlak Mulia, DBP.

Selepas itu diikuti dengan penyampaian buku terbaharu dan dokumen perjanjian kepada para penulis, seterusnya penyampaian Hadiah Buku Terlaris 2022, dan sijil penghargaan kepada para penaja.

Penerima penghargaan Hadiah Buku Terlaris 2022 Bagi Kategori Ilmiah Judul Buku Merista Kumpulan Artikel Sejarah dari

penulis, Awang Hanafi bin Haji Salleh dan penerbit Pusat Sejarah Brunei; kedua, Kategori Umum, iaitu judul buku Scary Dreams an Anthology of Supernatural Brunei Stories dari penulis, Awang Mohammad Hafizzul Fadlillah bin Haji Johari dan Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus, diterbitkan oleh Qasrun Nafis Publishing House.

Manakala, ketiga ialah Kategori Sastera dengan dua judul buku iaitu Real Ghost Stories of Borneo dari Dr. Aammton Alias dan penerbitnya, M Content Creations dan judul buku Bertaut di Pinggir Hati oleh Dr. Dayang Khadziah binti Haji Abdul Mumin dari DBP dan seterusnya judul buku kelima iaitu Kategori Kanak-kanak, Sahabat Karib Alya / Alya's Best Friend oleh penulisnya, Dayang Rosmuliati binti Haji Yahya dari DBP dan keenam dengan Kategori Komik judul bukunya, Bahtera Zahir oleh Awang Mohammad Azizul bin Haji Salam dari DBP.



Justeru, mulai tahun 2022, PBB diadakan dalam rangka menggemakan dan menyemarakkan Sambutan Bulan Bahasa dengan membawa tema 'Mari Membaca'.

Tema ini secara signifikan mendukung komitmen jabatan dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan mencintai dan mendaulatkan bahasa Melayu disinergikan dengan budaya membaca yang amat sinonim dengan proses meningkatkan daya berfikir masyarakat.

Antara objektif pengajuran PBB 2023 adalah untuk menggemakan dan menyemarakkan Sambutan Bulan Bahasa; mendukung Wawasan Brunei 2035 bagi melahirkan masyarakat bermaklumat, berpendidikan, berpengetahuan, berkualiti dan berwawasan.

Selain itu, sebagai wadah pertemuan dan interaksi antara penerbit buku, toko buku dan masyarakat di bawah satu bumbung untuk meningkatkan daya apresiasi terhadap buku; di samping mengeratkan jalinan kerjasama hubungan perniagaan dan permuafakatan bagi merancang strategi untuk mengembangkan industri penerbitan buku di peringkat serantau dan antarabangsa, serta memperkasa dan memasyarakatkan budaya membaca.

Selain pameran dan jualan buku, turut diadakan pelbagai kegiatan dan aktiviti sepanjang 10 hari pengajuran PBB 2023 di beberapa tempat, iaitu Pentas Kegiatan, Bilik Sejati 3 & 4, dan Reruai Temu dan Sapa Bersama Penulis.

PBB 2023 diadakan selama 10 hari, bermula 5 - 14 Ogos 2023, mulai jam 8.30 pagi hingga 9.30 malam, kecuali Jumaat, jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.30 petang hingga 9.30 malam.



HALUAN

Belia negara perlu siap siaga hadapi cabaran masa hadapan

>> Muka 2

Manakala Pameran Hari Belia tahun ini juga turut melibatkan penyertaan sejumlah 35 organisasi yang terdiri dari pergerakan belia dan rakan-rakan strategik yang akan mempamerkan projek masing-masing yang mendukung ke arah pembangunan belia di negara ini.

Sambutan Hari Belia Kebangsaan kali ini turut diserikan dengan pengendalian Festival Hari Belia. Festival ini diadakan bagi memberi peluang kepada persatuan-persatuan belia dan sukan, kumpulan-kumpulan dan usahawan belia untuk menunjukkan kreativiti serta kebolehan para belia dalam menganjurkan acara-acara sampingan sempena Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini.

Alhamdulillah, pada tahun ini, sebanyak empat kategori anugerah akan diberikan iaitu Anugerah Belia Cemerlang; Anugerah Belia Berkhidmat; Anugerah Pemimpin

Muda Belia; dan Anugerah Projek Cemerlang untuk Belia. Di samping itu, pada tahun ini juga, satu Anugerah Pengiktirafan Khas (Special Mention) akan diberikan bagi mengiktiraf belia yang memberikan perkhidmatan dan memperjuangkan serta memartabatkan belia khususnya belia Orang Kelainan Upaya di negara ini.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah dan hamba Kebawah Duli Tuan Patik penuh berharap agar pengurniaan anugerah ini akan dapat menjadi sumber inspirasi kepada belia-belia yang lainnya untuk melibatkan diri sama ada secara persendirian atau berpersatuan dan seterusnya terus aktif memberikan sumbangan secara berterusan demi pembangunan belia dan masyarakat di negara ini.

Akhirnya, hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan penuh hormat dan takzim sekali lagi menyampaikan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan

Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis pada pagi ini. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik turut menjunjung perkenan bagi menyembahkan sembah ucapan menjunjung kasih atas keberangkatan paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Tuan Patik, iaitu :

1. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri;

2. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik;

3. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkhiah;

4. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkhiah;

Menjunjung kasih atas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria.

Ucapan terima kasih juga atas kehadiran :

1. Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet;

2. Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri;

3. Dif-dif Kehormat

4. Para hadirin dan hadirat khususnya para belia yang hadir di majlis pada pagi ini.

Sebelum hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugerah berundur diri, hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan penuh hormat serta takzim menjunjung ampun beribu-ribu ampun ke hadapan majlis Kebawah Duli Tuan Patik jika terdapat kata-kata yang kurang manis atau suruk langkah yang tidak disengajakan di dalam sembah alu-aluan ini dan dalam pengendalian Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023 pada hari ini.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugerah.

MEMANTAPKAN KEMAHIRAN, KECEKAPAN ADVOKASI



>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dibacakan oleh Pegawai Ugama di Mahkamah-mahkamah Syariah, Awang Abdul Muhaimin bin Awang Haji Damit.

Sejurus itu ucapan penutup daripada Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim, yang antara lain mengongsikan bahawa kursus tersebut adalah bagi melahirkan advokat yang berkualiti tinggi dalam mengambil kira peranan peguam bagi memastikan hak-hak yang bertikai adalah terjaga semasa berjalannya proses di Mahkamah.

Di samping itu dapat memberikan peluang kepada para advokat untuk meningkatkan kemahiran serta kecekapan peguam bagi memastikan hak-hak yang bertikai adalah terjaga semasa berjalannya proses di Mahkamah.

"Saya juga difahamkan bahawa peserta-peserta ini dibantu oleh jurulatih-jurulatih yang terdiri daripada tiga agensi yang berkolaborasi yang mantap dan berkemahiran terdiri daripada Pendaftar-pendaftar Mahkamah



YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie ketika menyampaikan ucapan (kiri), manakala gambar atas, Yang amat Arif / Yang Berhormat bergambar ramai pada Penutup Kursus Asas Advokasi Syariah Mahkamah-mahkamah Syariah Bagi Tahun 2023.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Syariah, Pendakwa-pendakwa Syarie dan Peguam-peguam Syarie yang membimbing peserta bagi sesi praktikal di Mahkamah Syariah dalam kes Mal dan Jenayah," ujar Yang Amat Arif / Yang Berhormat.

Yang Amat Arif / Yang Berhormat juga melahirkan harapan agar semua peserta yang telah mengikuti Kursus Asas Advokasi Syariah pada tahun ini akan dapat mengaplikasikan sebaik mungkin apa yang telah dipelajari khususnya bagi mana-mana graduan yang layak untuk beramal dalam mengendalikan kes-kes di Mahkamah-mahkamah Syariah.

"Tidak kurang juga harapan saya bagi graduan-graduan lain agar dapat menjadi seorang advokat yang berwibawa dan profesional serta teratur dalam pengurusan

kes-kes yang akan dikendalikan nanti," tambah Yang Amat Arif / Yang Berhormat lagi.

Walau bagaimanapun, untuk menjadi bakal-bakal pengamal undang-undang di Mahkamah Syariah khususnya untuk menjadi Peguam Syarie, jelas Yang Amat Arif / Yang Berhormat lagi bukan setakat kelayakan akademik dan memenuhi persyaratan yang ditetapkan serta mengikut segala tatacara dan proses undang-undang serta pengurusan dalam membuat sebarang permohonan pemfailan mahupun pendaftaran apa-apa jua kes.

"Ianya adalah perlu juga mengamalkan etika sebagai seorang pengamal undang-undang yang berintegriti, iaitu jujur, amanah dan berwibawa, kerana dengannya segala tindakan dan prosiding

yang akan dibuat tidak lari dari keadilan yang dituntut oleh Allah Subhanahu Wata'ala, terutama untuk menjadi peguam kepada anak guaman (kliennya) janganlah sampai lupa akan peringatan Allah," tegas Yang Amat Arif / Yang Berhormat.

Sebagai pengamal undang-undang atau Peguam Syarie katanya, hendaklah memastikan adakah anak guam itu benar-benar berada di posisi yang hak iaitu yang telah diketepikan haknya dan keadilannya. Janganlah cuba mencari helah dan alasan-alasan yang batil atau tidak benar demi mempertahankan anak guam.

Yang Amat Arif / Yang Berhormat juga menekankan untuk perlu bersikap jujur dan menunjukkan perkara yang sebenar kepada permasalahan anak guaman, di samping jangan sampai tidak bersikap ramah kepada anak guaman dengan memanjangkan

dan membuat penangguhan kes untuk mengenakan kos-kos yang tidak wajar kepada anak guaman.

Tegasnya, perbuatan seperti itu adalah bertentangan dengan sifat integriti sebagai pengamal undang-undang yang menjadi kepercayaan orang awam dalam menegakkan keadilan dan hak-hak yang dituntut, di mana dengan ketiadaan integriti yang tinggi akan menyebabkan hilangnya kepercayaan masyarakat kepada institusi perundangan khususnya di Mahkamah-mahkamah Syariah.

Justeru adalah diharapkan kursus tersebut dapat meningkatkan mutu dan membangunkan kemahiran serta kecekapan dalam advokasi khususnya kepada graduan-graduan baharu agar dapat menjadi seorang advokat yang berwibawa dan profesional serta teratur dalam pengurusan kes-kes yang akan dikendalikan nanti.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Ogos. - Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Negara-negara ASEAN, Jepun dan Timor-Leste di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam malam tadi menganjurkan Pesta Makanan sempena Ulang Tahun Ke-50 Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun, bertempat di Kedutaan Republik Filipina, di sini.

Hadir selaku kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan Pelancaran Pesta Makanan tersebut ialah Setiausaha Tetap (ASEAN) di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dayang Hajah Johariah binti Haji Abdul Wahab.

Juga hadir, para diplomatik kor dari Negara-negara ASEAN, Jepun dan Timor-Leste; pegawai-pegawai kanan kerajaan; serta perwakilan media tempatan.

Para tetamu yang hadir dihidangkan dengan pelbagai hidangan tempatan dari Negara-negara ASEAN, Jepun dan Timor-Leste.

Objektif utama acara itu adalah untuk mempamerkan makanan dan minuman istimewa dari Negara-negara ASEAN, Jepun dan Timor-Leste.

Acara tersebut diharap dapat menggalakkan minat terhadap gastronomi negara masing-masing, dan dengan itu

Mempromosikan kepelbagaian makanan tradisi

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

meningkatkan profil negara berkenaan.

Memandangkan semua Negara Anggota ASEAN dan Jepun mempunyai makanan, budaya dan tradisi yang tersendiri, acara ini merupakan jalan yang sesuai untuk merapatkan kesemuanya.

Acara itu juga dijangka meningkatkan lagi promosi pertukaran budaya dan persefahaman dalam kalangan semua yang terlibat.



SETIAUSAHA Tetap (ASEAN) di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dayang Hajah Johariah binti Haji Abdul Wahab ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Pesta Makanan sempena Ulang Tahun Ke-50 Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun yang diadakan di Kedutaan Republik Filipina (atas dan atas kanan).

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Download on the App Store | Get it on Google Play

DIALOG SERANTAU BORNEO-KALIMANTAN KE-15 TUTUP TIRAI



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian resolusi kepada Ketua 1 ASTERAWANI Brunei Darussalam, manakala gambar bawah kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Ogos. - Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei Darussalam dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan Kumpulan

PUTRA Seni mengadakan Majlis Penutupan Dialog Serantau Borneo-Kalimantan Ke-15. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup berkenaan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd.

Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian resolusi pada majlis yang berlangsung di Dewan Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas, di sini.

Majlis dimulakan dengan Pembentangan Resolusi Dialog Serantau Borneo-Kalimantan Ke-15 yang disampaikan oleh Ketua II ASTERAWANI, Awang Haji Jawawi bin Haji Ahmad dan diikuti dengan penyerahan resolusi kepada tetamu kehormat majlis dan kemudian diserahkan kepada Ketua 1 ASTERAWANI, Profesor Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah.

Majlis diikuti dengan lafaz penutupan rasmi yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis dan dimeriahkan lagi dengan beberapa persembahan daripada para peserta Dialog Serantau Borneo-Kalimantan Ke-15 yang terdiri daripada peserta Negara Brunei Darussalam (NBD), Kalimantan dan Malaysia.

Pada tahun ini, NBD menjadi tuan rumah bagi pelaksanaan Dialog Serantau Borneo-Kalimantan

Ke-15, dengan bertemakan 'Melayu Islam Beraja Mengukuhkan Sastera Islam dan Nilai-nilai Budaya Serantau'.

Antara objektif Dialog Serantau Borneo-Kalimantan berkenaan diadakan adalah menggali akar persamaan budaya dalam rangka meningkatkan dan memperkuat kekerabatan dan persahabatan

serumpun Borneo-Kalimantan.

Selain itu, dialog berkenaan mempertemukan para penulis, ahli akademik dan profesional sastera serantau, mengenal pasti konsep sastera Islam pelbagai kelompok masyarakat serantau serta mewujudkan persahabatan dan perpaduan antara masyarakat serantau.



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), KKBS ketika berucap (kanan), manakala gambar kiri, Ketua II ASTERAWANI, Awang Haji Jawawi bin Haji Ahmad ketika Pembentangan Resolusi Dialog Serantau Borneo-Kalimantan Ke-15.

28 pelajar ITQSHHB Khatam Al-Quran

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Ogos. - Seramai 28 orang terdiri daripada 19 siswa dan sembilan siswi yang menamatkan pengajian sesi 2020 - 2023M Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) diraikan pada Majlis Khatam Hafaz 30 Juz' Al-Quran.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada majlis yang berlangsung di Musolla, institut berkenaan, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Md. Salleh selaku Ahli Jawatankuasa Akademik dan Peperiksaan (JKAP), ITQSHHB.

Turut hadir, ahli-ahli JKAP, pengetua, timbalan-timbalan



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama ketika hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (kiri), manakala gambar atas, seramai 28 pelajar ITQSHHB yang menamatkan Sesi Pengajian 2020 - 2023M diraikan pada majlis khatam.

pengetua, para pegawai dan pensyarah, guru-guru serta para ibu bapa siswa-siswi Program Diploma 'Aliyah Qiraat yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis.

Ia kemudiannya diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas dipimpin oleh Awang Mohammad Aziz Aszreen Shah

bin Haji Mohammad Zain dan diteruskan dengan bacaan Doa Khatam oleh Awang Mohammad Faris Zayani bin Muhammad Firdausil Amin. Kedua-duanya merupakan bakal graduan Diploma 'Aliyah Qiraat ITQSHHB.

Majlis diserikan lagi dengan penyampaian Sijil Khatam Hafaz 30 Juz Al-Quran oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan

Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan dibacakan oleh Awang Mohammad Aimaduddin bin Alias, yang juga bakal graduan Diploma 'Aliyah Qiraat ITQSHHB.

Majlis Khatam Hafaz 30 Juz' Al-Quran bagi siswa-siswi yang menamatkan Sesi Pengajian 2020 - 2023M berkenaan merupakan salah satu acara iringan bersempena Haflut Takharruj ITQSHHB.



Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Belait

BELAIT, Ahad, 6 Ogos. - Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Pelancaran Jerayawara 'Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua' sempena Hari Buah Pinggang Sedunia Tahun 2023 pada Mei yang lalu dan jerayawara di Kuala Belait tersebut adalah kesinambungan bagi acara berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji

Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang Daerah Belait serta para pegawai dan kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Renal, Kementerian Kesihatan.

Majlis dimulakan dengan sesi bergambar ramai serta sesi pemanasan badan dan diikuti

TINGKAT KESEDARAN PENJAGAAN, KESIHATAN BUAH PINGGANG



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait hadir selaku tetamu kehormat pada Pelancaran Jerayawara 'Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua' bersempena Hari Buah Pinggang Sedunia Tahun 2023 di Daerah Belait (atas kiri dan kanan).

dengan acara 'Fun Walk / Run'.

Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan semasa jerayawara berkenaan adalah seperti Pameran Kesihatan Buah Pinggang;

pemeriksaan kesihatan percuma; serta permainan dan kuiz.

Jerayawara berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan menjaga kesihatan buah pinggang serta masalah yang berkaitan

dengannya.

Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Renal, Kementerian Kesihatan juga berhasrat untuk melancarkan jerayawara-jerayawara yang sama di Daerah Tutong dan juga Daerah Temburong.

كمنترين كصحتين
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Pengenalan:

Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:

Tekanan darah tinggi

Kolesterol tinggi

Kencing manis

Kanser

Terdapat **4** program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:

- Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
- Tidak mempunyai perantaraan berterusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.

Pemeriksaan kanser kolorektal

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:

- Berumur 50-75 tahun; dan
- Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan
- Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
- Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.

Pemeriksaan kanser payudara

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:

- Berumur 40-65 tahun; dan
- Tidak pernah menghidap kanser payudara; dan
- Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan
- Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.

Pemeriksaan kanser serviks

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:

- Berumur 20-65 tahun; dan
- Pernah melakukan hubungan seksual; dan
- Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan
- Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu

www.ppkk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123

Bersama meningkatkan bekalan darah negara

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Ahad, 6 Ogos 2023 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Ruang Atrium, KB Sentral, Kuala Belait
Isnin, 7 Ogos 2023 10.00 pagi hingga 2.00 petang	Tingkat 1, Kompleks Annajat, Beribi
Rabu, 9 Ogos 2023 9.00 pagi hingga 2.00 petang	Peugeot Showroom Simpang 22, Bangunan Kiarong Sentral, Kampung Kiarong, Anjuran TCY Motors
Sabtu, 12 Ogos 2023 9.00 pagi hingga 2.00 petang	Pasar Kitani, Pusat Hortikultur Rimba Gadong, Anjuran Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Ogos. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah di beberapa tempat di negara ini.

Kempen Derma Darah akan diadakan pada Isnin, 7 Ogos 2023 bertempat di Tingkat 1, Kompleks Annajat, Beribi pada pukul 10.00 pagi hingga 2.00 petang.

Sementara itu, TCY Motors juga akan mengadakan kempen serupa pada Rabu, 9 Ogos 2023 bertempat di Peugeot Showroom Simpang 22, Bangunan Kiarong Sentral, Kampung Kiarong, bermula pukul 9.00 pagi hingga 2.00 petang.

Sehubungan itu, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga akan menganjurkan Kempen Derma Darah pada Sabtu, 12 Ogos 2023 bertempat di Pasar Kitani, Pusat Hortikultur Rimba Gadong, dari pukul 9.00 pagi hingga 2.00 petang.

Di Daerah Belait, Tabung Darah Hospital Suri Seri Begawan juga akan mengadakan Kempen Derma Darah seperti berikut iaitu pada Ahad, 6 Ogos 2023 bertempat di Ruang Atrium, KB Sentral, Kuala Belait bermula pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen-kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu mengekalkan bekalan stok darah di negara ini.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi BloodKad bagi kempen derma darah tersebut adalah sangat digalakkan.

PERASMIAN MESYUARAT AGONG PNI 2023-2027



PEMANGKU Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdusslam bin Haji Abdul Rahman ketika menyampaikan ucapan (kanan), manakala gambar atas, sekitar mesyuarat tersebut yang melantik ahli jawatankuasa baharu PNI bagi sesi 2023 / 2027.



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

PULAIE, Ahad, 6 Ogos. - Majlis Perasmian Mesyuarat Agong Persatuan Nurul Islam (PNI) bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) telah diadakan di Dewan Serbaguna Pusat Da'wah Islamiah (PDI), hari ini.

Mesyuarat antara lain bertujuan untuk membubarkan Ahli Jawatankuasa Sesi 2017-2019 /

2023 dan seterusnya melantik ahli jawatankuasa baharu bagi sesi 2023 / 2027.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Pemangku Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdusslam bin Haji Abdul Rahman.

Dengan adanya ahli jawatankuasa yang baharu dilantik

ini akan dapat menerajui PNI dengan lebih maju dan menyerlah dalam melaksanakan kegiatan atau aktiviti persatuan.

Di samping itu, dapat menampilkan kepimpinan dalam berpersatuan bagi menggerakkan ahli-ahlinya turut serta dalam semua aktiviti yang dijalankan ke arah mencapai objektif persatuan. Komitmen para ahli

jawatankuasa dan ahli persatuan merupakan indikator dalam mengukur keupayaan sesebuah persatuan itu bergerak lebih mantap dan berjaya.

Dengan lantikan ahli jawatankuasa yang baharu itu juga diharapkan PNI DBM akan dapat memberi nafas baharu kepada saudara-saudara baharu (mualaf) yang menjadi ahli persatuan dan

terus berusaha memajukan persatuan dengan pelbagai aktiviti yang bercorak keagamaan, Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam, pendidikan dan bidang usahawan seiring dengan matlamat dan objektif persatuan.

Turut hadir, Ketua Bahagian Pembangunan Mualaf, Dr. Dayang Hajah Rohanita binti Haji Yaakub.

PKPB semarakkan Sambutan Ilal Hijrah 1445



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Ogos. - Kumpulan Purih Kampung Pandai Besi (PKPB) tidak ketinggalan dalam sama-sama menyemarakkan dan membesarkan lagi Hari-hari Kebesaran Islam di Negara Brunei Darussalam, dengan menganjurkan Majlis Ilal Hijrah 1445.

Majlis keagamaan berkenaan dihadiri oleh lebih 60 orang Purih dan Warga Kampung Pandai Besi (PWKPB), dan diadakan di Restoran Pujangga Besila, Jalan Sungai Akar, hari ini.

Kemuncak majlis ialah Ceramah Khas Ilal Hijrah yang disampaikan oleh Penolong Profesor / Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar.

Majlis ilmu yang penuh berkah berkenaan bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Awang Haji Abd. Ghafar bin Haji Menudin.

Kemudian diikuti dengan



CERAMAH Khas Ilal Hijrah disampaikan oleh Penolong Profesor / Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar (atas kiri), manakala gambar atas, Kumpulan Purih Kampung Pandai Besi bergambar ramai pada Majlis Ilal Hijrah 1445.

■ Oleh : Ihsan Haji Jaafar Haji Ibrahim
Foto : Ihsan Kumpulan Purih Kampung Pandai Besi

ucapan alu-aluan oleh Pengerusi PKPB, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Zainal.

Selepas itu disusuli dengan Majlis Penyampaian Cenderamata kepada Dr. Haji Noralizam yang disampaikan oleh Penasihat Bersama dan Bendahari PKPB, Awang Haji Durahim bin Hassan.

Majlis berakhir dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Haji Abd. Ghafar.

Setiausaha PKPB, Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim menjelaskan Sambutan Ilal Hijrah 1445 berkenaan adalah

merupakan julung-julung kalinya dianjurkan oleh Kumpulan PKPB sejak ditubuhkan pada 30 September 2017.

"PKPB terpenggil bagi menganjurkan majlis tersebut sebagai komitmen bersama dalam menyemarakkan dan menyuburkan suasana syiar Islam di negara ini, di samping sebagai menyahut usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam membesarkan Hari-hari Kebesaran Islam," ujarnya lagi.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

سرڤوڤي

جاغن برفووتوس أسا

جماعه يغ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبحانهُ وَتَعَالَى دغن منيغكتكن كإيمانن كقُدن. سسغكوهن اورغ يغ فالبيغ مليا دسيسى الله سُبحانهُ وَتَعَالَى اياه اورغ يغ فالبيغ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يغ سنتياس مغايغتي الله سُبحانهُ وَتَعَالَى، براوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

الله سُبحانهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة الحجر آية ٥٥-٥٦:

مريك بركات: "كامي مبيقين خبر يغ مفكميراكن لين كقد مو دغن جارا يغ بنر. اوله ايت، جاغله أڭكو تراسوق كولوغن اورغ يغ برفووتوس أسا. ني إبراهيم بركات: "دان تيدق اد يغ برفووتوس أسا درقد رحمة توهنن ملاينكن اورغ-اورغ يغ مست."

جماعه يغ درحمتي الله،

سموا مانسي يغ هيدوف ددنيا اين قسبي تيدق اكن ترلقس دري مغهادي قلباكي جابرن دان دوكان. قد حقيقتن، الله سُبحانهُ وَتَعَالَى سنتياس مغوجي ستيث هيمان دغن قلباكي أوجين يغ كادغ-كادغ تيدق سايرين دغن كايغينن كيت. انتاران سقرت ككاكلن، كسمقين، كريسيس دان سباكين. سموا ايت اداله سمات-مات انتوق منيلاي تاهف كإيمانن دان كيقينن سستورغ ايت ترهادف سسوات يغ دتقديركتن. جوسزو، هان مانسي يغ لوقا كقد ككواسان دان كاكوغن الله سُبحانهُ وَتَعَالَى سهاج يغ اكن ملاهيركن فرسان فووتوس أسا. فرمان الله سُبحانهُ وَتَعَالَى دالم سورة الأعراف آية ١٦٨:

دان كامي ميبهاكين مريك دموكا بومي منجادي بيراف كولوغن، انتارا مريك اد اورغ-اورغ يغ صالح دان انتارا مريك اد يغ تيدق سدميكن. دان كامي مغوجي مريك دغن برباكي-باكي (نعمه) كبايكن دان (بنجان) كبوروقن سفاي مريك كمبالي (برتوبه درقد سكل معصية دان منكر).

جوسزو سباكي اورغ يغ برإيمان، كيت اداله دتونوت انتوق سنتياس برسغكا بايك، برفيكيرن فوسيتيف، دان تيدق موده برفووتوس أسا دغن رحمة الله سُبحانهُ وَتَعَالَى تراوتمان اقبيل كيت مغهادي مسئله اتو كتيك كيت بردفن دغن سيتواسي يغ سوكر دان برادا دالم كادان يغ كورغ مينغكن.

ادفون انتارا فكتور أوتام يغ ميبكن اورغ برفووتوس أسا ايت اياه ترحوموس دالم فركارا ٢١ دوسا دان معصية. اقبيل ديري كيت تركلينجير دالم فركارا ٢١ دوسا دان معصية، مك جاغله كيت سكال-كالي برفووتوس أسا دغن رحمة الله سُبحانهُ وَتَعَالَى كران رحمة الله سُبحانهُ وَتَعَالَى ايت لبيه لواس دري كموركانن. تيدق كيرا سيسر مان فون دوسا يغ تله كيت لاکوكن، كسموا دوسا ترسبوت اكن دامفونكن اوله الله سُبحانهُ وَتَعَالَى. الله سُبحانهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة الزمر آية ٥٣:

كاتاكتله (سمفكتله فرمكو واهي ني محمد): "واهي همبا-همباكو يغ ملمقاوي باتس ترهادف ديري مريك سنديري (دغن فربواتن-فربواتن معصية)!

جاغله كامو برفووتوس أسا درقد رحمة الله. سسغكوهن الله معفونكن سكل دوسا. سسغكوهن دياه يغ مها فمفونن لاکي مها ففاسيه."

منكلا فكتور لاین لاکي يغ ميبكن اورغ برفووتوس أسا ايت اياه اقبيل دتيمقا مصيبة سقرت فباكيت كرونیک اتو ساكيت يغ برفجاغن دان تكتن هيدوف ايت تكتن سوسيال، ايموسي دان ايكونومي سقرت مسئله فرنيكان، فكرجان، فلاجران، مسئله هوتغ فيوتغ، مسئله رومه تڭكا دان ساومثمان، دان جك تيدق دتاغني دغن سبايكن، بوله منجاديكن مريك برادا دالم كادان يغ تروق دان ممري كسن ترهداف كصيحتن ميتال دان جوك فيزيكال سقرت كموروغن يغ ملمقاو.

جماعه يغ درحمتي الله،

مسئله يغ داتغ دالم كهيدوفن كيت سريشكالي ميبكن كيت برسيفك تيدق راسيونل دان مموات كفووتوسن يغ كورغ بيحق سهيڭك ميبكن كيت ترفلوا اكن كاكوغن دان كبسرن الله سُبحانهُ وَتَعَالَى.

فرلو دايقه، اقبيل كيت مغهادي مسئله، دتيمقا دغن ككاكلن اتو كسورن دالم كهيدوفن سام اد كايغينن اتو هارفن يغ تيدق كسمقيان اتو ترجائي، جاغله كيت موده مپراه كاله دان برفووتوس أسا. كيت هندقله يقين دغن كسنتوان الله دان حكمه دسباليق كسنتوان ترسبوت يغ اكن ملاهيركن صفة صبر دان رضاء. جوسزو، كيت قواكن روحاني اتو هاتي كيت دغن مقربايكي هويوغن دغن الله سُبحانهُ وَتَعَالَى. هاتي دان روحاني يغ بايك يغ يقين دغن كسنتوان الله دان حكمهن اكن مغاتور ميتال دان فيزيكال برتنداق سبايكن دالم اف جوا كادان دان سواسانا.

الله سُبحانهُ وَتَعَالَى تله مغورنباكن كيت عقل فيكيران يغ جوكوف سمفورنا، كيت هندقله برأوسها دان براختيار ميكيكرن جارا دان فندكن يغ بريذا انتوق مپلسيكن سسوات فركارا اتوفون فرمستلهن. سسغكوهن الله سُبحانهُ وَتَعَالَى دان رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تله مميري اماران دان فرايغائن يغ ساعة جلس ددالم القرآن دان حديث ٢ بكندا رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مغناي كسن بوروق برفووتوس أسا دغن رحمة الله سُبحانهُ وَتَعَالَى، انتاران:

فرتام: تركولوغ دالم كالغن اورغ يغ كفور كقد الله سُبحانهُ وَتَعَالَى.

كدلوا: تركولوغ دالم كالغن اورغ يغ سست دري جالن كبنران.

كتيك: تركولوغ دالم كالغن اورغ يغ تيدق دافة ممبذاكن انتارا يغ بايك دان بوروق.

كامقه: تركولوغ دالم كالغن اورغ يغ تيدق منشكوري نعمة الله سُبحانهُ وَتَعَالَى.

جماعه يغ درحمتي الله،

سباكي اورغ يغ برإيمان، كيت هندقله مپليكي سماعه دان كعزمان يغ فوات انتوق مغهادي دان مناغني سبارغ مساله، جابرن دان ريتاغن تنقا موده برفووتوس أسا دالم كهيدوفن. كيت هينداري درقد سيكف مغلوه دغن اف يغ تله ترجادي دغن ممباوغ سقوهن صفة برفووتوس أسا. كيت مغادو كقد الله كران سسغكوهن الله سُبحانهُ وَتَعَالَى اداله سبايك-بايك تمقه انتوق مغادو. فوهون دان فحتكن دعاء كقد الله سُبحانهُ وَتَعَالَى قد ستيث ماس دان كادان، لبيه ٢ لاکي اقبيل كيت مغهادي مسئله اتو كسولين دالم كهيدوفن.

انتارا دعاء يغ دأنجوركن اوله رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انتوق دباچ كتيك دتيمقا كسولين دان كسوسهن سقرتمان دالم سبواه حديث يغ دروايتكن اوله إمام أبو داود، درقد سيدنا عثمان بن عفان رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، بهوا رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا يغ برمقصود: بارغسياف مباح: بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. سايق تيك كالي، مك تيدق اكن دتيمقا مصيبة مغجونكن هيڭك كفاكي، دان بارغسياف مباحن دوقنو فاكي مك تيدق اكن دتيمقا مصيبة مغجونكن هيڭك كقتغ.

سكيران فرلو، دافتنك نصيحة دان بنتوان درقد اورغ يغ بوله دفرجيادي يغ سديا منولوغ مريشكن بن اكر منجادي لبيه ريشن، اتو جك مساله سماكين سريوس، برحومقاله كقد فاكر يغ بوله ممري فنداغن دان بنتوان. ملالوئي فركوغسيان، سديكيت سايق بين دافت دكورغكن اتو ادا جالن باكي فپلسيان.

فرلو دكتهوي دان دسدري، بهاوا ستيث اف يغ برلاكو ايت قسبي اد حكمهن. الله سُبحانهُ وَتَعَالَى تيدق اكن منجاديكن سسوات ايت سيا ٢ دان تيدق سكال-كالي-كالي اكن منظليمي همبا ٥.

سسغكوهن الله سُبحانهُ وَتَعَالَى مها معتهوي اف يغ تربايك انتوق ديري كيت. اوله يغ دمكين، اجار دان ديدقله هاتي كيت انتوق سنتياس برسغكا بايك قد كسنتن دان كسنتوان الله سُبحانهُ وَتَعَالَى كران الله سُبحانهُ وَتَعَالَى اداله سبايك-بايك فرنجغ. موده-مودهن دغن يغ دمكين، كيت اكن براولييه كجيان هيدوف ددنيا دان جوك داخيرة. آمين يا رَبَّ العالمين.

بوكنكه الله يغ مفركنكنن دعاء اورغ يغ بنر-بنر دالم كسولين اقبيل دي بردعاء كقدن دان يغ مغهافوسكن كسوسهن ايت دان منجاديكن كامو خليفه-خليفه (فمريتته يغ برکواس) دبومي؟ اذكه توهن يغ لاین برسام الله؟ (تيدق) سديكيت بنر كامو معمبيل فرايغن. { سورة النمل آية : ٦٢ }

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِالنَّجَاةِ التَّائِبِينَ.

MENGETENGAHKAN PEMBELAJARAN TERADUN, PERTINGKATKAN KREATIVITI PELAJAR



PEMANGKU Pengarah Jabatan Pengajian Islam hadir selaku tetamu kehormat pada Program Ma'radh 'Ilmi; Kharithah Dzihniyyah yang diadakan di dewan utama sekolah berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, Sekolah Persediaan Arab, Sabtu, 5 Ogos. - Ke arah rakyat yang berpendidikan, Bandar Seri Begawan pagi tadi mendukung matlamat Wawasan berkemahiran tinggi dan berjaya, mengungkap Program

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

'Ma'radh 'Ilmi; Kharithah Dzihniyyah' yang diadakan di dewan utama sekolah berkenaan.

Acara yang dijalankan itu merupakan salah satu pengisian Program 'Ilal Majdi Wal 'Ula yang dianjurkan oleh Bahagian Sekolah Arab, Jabatan Pengajian Islam (JPI) bagi mendukung inisiatif Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2020-2024.

Ma'radh 'Ilmi yang mengetengahkan lima teknik ulang kaji terbaik merupakan inisiatif pihak sekolah dalam menyahut cabaran norma pendidikan masa kini iaitu Pembelajaran Teradun (Blended Learning) yang mana pembelajaran boleh saja dilakukan di hujung jari secara dalam talian, sebagai tambahan pembelajaran secara bersemuka.

Aktiviti juga dihasratkan dapat membantu pelajar-pelajar menjadi lebih mahir dan kreatif dalam penyediaan nota dan ringkasan pelajaran.

Seramai 30 pelajar Sanah 5 dan

6 dari Persekolahan Arab seluruh negara menyertai acara ini terdiri daripada tiga pelajar Sanah 5 dan tiga pelajar Sanah 6.

Hadir selaku tetamu khas, Pemangku Pengarah JPI, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil, yang juga menyempurnakan upacara perasmian acara serta penyampaian hadiah.

Acara pagi tersebut bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa. Diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada mudir.

Sejurus itu majlis diteruskan dengan Perasmian Kharithah Dzihniyyah oleh tetamu khas majlis dengan tayangan Video Pelancaran.

Aktiviti diteruskan dengan program-program seperti Amazing Race Online Liveworksheet; Hands-on Menggunakan Microsoft Sway dan Pameran Tunjuk Cara serta membina Kharithah Dzihniyyah. Acara diserikan dengan pengumuman pemenang dan penyampaian hadiah.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Ogos. - Acara walkaton sempena Sambutan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023 akan diadakan pada 8 Oktober 2023 nanti.

Walkaton berkenaan sejauh tiga kilometer yang akan bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan (BSB).

Perkara demikian dijelaskan oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat pada sidang media yang berlangsung di Ruang Legar,

Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPK), Kementerian Pendidikan.

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Acara Walkaton sempena Sambutan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023 dan juga Pengerusi Jawatankuasa Acara-acara Sukan sempena Sambutan Hari Guru Ke-33 tahun ini, Awang Julaihi seterusnya mengongsikan, acara walkaton berkenaan merupakan salah satu aktiviti riadah sukan bagi menyemarakkan dan memeriahkan lagi Sambutan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023 dengan tema 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'.

"Di samping itu, acara walkaton pada tahun ini juga akan diisi dengan acara sampingan, iaitu Jejak Ta'limi yang merupakan aktiviti *mini treasure hunt* di sekitar BSB untuk memeriahkan lagi acara walkaton, di samping menguji para peserta melalui daya pemikiran, fizikal dan kemahiran," ujarnya.

Beliau seterusnya menambah, penyertaan bagi acara walkaton berkenaan adalah dibukakan kepada warga Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta orang ramai. Manakala bagi acara Jejak Ta'limi hanya dibukakan kepada

Pendaftaran Walkaton Hari Guru kini dibukakan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd Zul-Izzi Haji Duraman



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan pada sidang media yang berlangsung di Ruang Legar, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

warga Kementerian Pendidikan dan KHEU sahaja.

Borang pendaftaran bolehlah diperoleh melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn atau melalui pautan <https://rb.gy/jjpc7> atau dari ibu pejabat dan cawangan-cawangan JPK.

Pendaftaran dibukakan bermula pada 7 hingga 17 Ogos 2023 di ibu Pejabat JPK pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula jam 9.30 pagi hingga 3.30 petang.

Di samping itu, pendaftaran juga dibukakan di cawangan-cawangan JPK di Daerah Belait, Temburong dan Tutong pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Sementara itu, penyerahan dan pengagihan baju peserta akan diadakan pada 11 hingga 16 September 2023 di Ibu pejabat dan cawangan-cawangan JPK.

Acara Walkaton berkenaan bertujuan untuk mengeratkan

hubungan silaturahim dalam kalangan warga Kementerian Pendidikan dan KHEU serta menggalakkan dan mengamalkan cara hidup yang sihat.

Turut hadir pada sidang media berkenaan ialah Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Eady Sardi bin Pehin Datu Derma Sakti Dato Paduka Haji Abd. Razak, selaku Timbalan Pengerusi; Ketua Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Dayang Nordiana binti Mohamad selaku Setiausaha; dan Pemangku Ketua Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Awang Mohd. Nadzri bin Haji Md. Adnan, selaku Ketua Penyelaras Bersama Acara Walkaton Hari Guru Ke-33, Tahun 2023.

Bagi sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai acara berkenaan, boleh hubungi Urus Setia Acara Walkaton sempena Hari Guru Ke-33, Tahun 2023 di talian +673 2333053 / 43 / 53.



SPECIAL EDITION TEE
WALKATHON HARI GURU
KALI KE-33 TAHUN 2023

Hari Ahad, 8th Oktober 2023,
Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin



	Lengan Pendek	Lengan Panjang
Baju T Roundneck	\$ 14.00	\$ 16.00
Baju Polo	\$ 16.00	\$ 18.00
Baju Muslimah	-	\$ 21.00

Merchandise	Non-Woven Bag	Cap	Payung
	\$ 2.00	\$ 8.00	\$ 20.00

*Additional BND2 for Size above 3XL



HADIAN UTAMA & HADIAN GALARAN

SETUP PANDUAN BERKUALITI MELAKSANAKAN

www.moe.gov.bn


infodcce.bn

Takrif Hadiah & Penerimaan
7th Ogos hingga 17th Ogos 2023
7th Ogos hingga 17th Ogos 2023
7th Ogos hingga 17th Ogos 2023
7th Ogos hingga 17th Ogos 2023

PENDAFTERAN



Syarikat dikenakan denda kompaun BND500



SEBUAH syarikat dikenakan denda kerana didapati melanggar Akta Kesalahan Rampaian 2021, disebabkan oleh membuang sampah di tempat awam.

Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, dan dikehendaki untuk menjelaskan denda kompaun dalam tempoh tujuh hari.

Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan dalam masa tujuh hari daripada tarikh denda kompaun dikeluarkan maka syarikat berkenaan boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa juga jenis sampah sarap di tempat awam.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Sabtu, 5 Ogos. - Unit Penguatkuasaan Jabatan Daerah mengeluarkan kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan Rampaian 2021, disebabkan oleh membuang sampah di tempat awam.

Syarikat berkenaan ialah Syarikat Perniagaan Dayang Kasum binti Ibrahim dan Anak-anak, terletak di LTS 9/1989, Kampung Telisai Tutong.

Syarikat berkenaan dikenakan denda kompaun sebanyak BND500 di bawah BAB 12 (1) (a),

PENTING SILA LENGKAPKAN PROFIL PSQR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

IMPAK PROFIL PSQR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- Permohonan tidak akan diproses.
- Maklumat yang dihidangkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSQR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemukakan pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi.
- Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain.
- Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanggal gaji / tempoh perkhidmatan yang salah.
- Tidak mengemukakan ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.

Menahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menempati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Belia Aset Utama Negara'. Tarikh Tutup : 9 Ogos 2023
- 'Bersama Membangun Usahawan Tempatan'. Tarikh Tutup : 16 Ogos 2023
- 'Wanita Memacu Pembangunan Negara'. Tarikh Tutup : 23 Ogos 2023

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

DARI MAHKAMAH

DIHUKUM PENJARA, DENDA AKIBAT KESALAHAN RASUAH

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Ogos. - Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan dan denda BND211,610 atau 25 bulan penjara jika gagal membayar denda berkenaan.

Yang Arif Majistret Syaffina binti Shahif menjatuhkan hukuman ke atas seorang warganegara Malaysia atas kesalahan yang bertentangan dengan Akta Pencegahan Rasuah, Bab. 131 dan Perintah Eksais, 2006.

Pada 2 Ogos 2023, Eric Wong See Heng (defenden), 25 tahun, mengaku bersalah kerana menawarkan suapan rasuah sebanyak BND1,000 atau BND2,000 kepada Pegawai Narkotik untuk mengelak daripada mengambil sebarang tindakan bagi penemuan barangan seludup, iaitu 266 barangan vape di dalam keretanya di Pos Kawalan Sungai Tujoh pada 27 Julai 2023.

Defendan adalah seorang penghantar bebas (*freelance runner*) barangan vape dari Miri, Sarawak ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pada 27 Julai 2023, defendan memandu dari Miri ke NBD melalui Pos Kawalan Sungai Tujoh, Kuala Belait. Semasa di Pos Kawalan berkenaan, setelah selesai pemeriksaan imigresen, defendan diarahkan untuk meletakkan keretanya untuk pemeriksaan rutin oleh Pegawai Kawalan Narkotik terhadap kereta tertuduh.

Semasa pemeriksaan, terdapat beberapa kotak coklat bergam yang ditemui di dalam kereta defendan. Apabila disiasat, defendan menyatakan ia adalah barangan elektrik milik ibunya.

Kotak-kotak berkenaan kemudiannya dibawa ke bilik X-ray untuk pemeriksaan lanjut. Apabila melihat penemuan barangan tegahan berkenaan, defendan kemudiannya secara rasuah menawarkan Pegawai Narkotik berkenaan dengan mengeluarkan perkataan berikut kepadanya - "Boleh minta tolong kah? Lepaskah apa? Kasi angpaw 1,000 atau 2,000" dan kemudian menepuk poket seluar kirinya.

Biro Mencegah Rasuah (BMR) dimaklumkan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) mengenai kejadian yang disebutkan di atas pada hari yang sama. BMR selepas itu menyiasat defendan semasa kejadian dan dia secara rasuah menawarkan suapan wang kepada Pegawai Narkotik berkenaan yang merupakan ejen badan awam, iaitu BKN.

Semasa penyiasatan dibuat didapati defendan membuat tawaran sedemikian untuk dilepaskan daripada kesalahan menyeludup sejumlah besar barangan tegahan, iaitu barangan vape, ke NBD, yang beliau tahu ketika itu adalah menyalahi undang-undang.

Tertuduh kemudiannya diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) untuk siasatan dijalankan ke atas 266 barangan vape yang ditemui dalam kenderaannya.

Mengikut siasatan, jumlah duit eksais yang dielakkan bagi barangan berkenaan ialah BND 21,161.

Semasa siasatan, didapati defendan memasukkan kesemua kotak yang mengandungi vape dan barangan berkaitan vape, yang diambilnya daripada pelbagai kedai di Miri, Sarawak, ke dalam keretanya untuk dihantar kepada pelanggan di NBD.

Hasil siasatan juga mendapati defendan akan menerima bayaran untuk perkhidmatan penghantarannya dan mengaku menghantar barangan berkaitan vape dan vape kepada pelanggan di NBD sejak lima hingga enam bulan lalu.

Secara purata, defendan menerima BND1,600 hingga BND2,000 untuk perkhidmatannya. Semasa siasatan, pegawai JKED juga menemui sejumlah wang, yang terdiri daripada pelbagai mata wang di dalam beg defendan.

Oleh kerana defendan menyatakan tidak mampu membayar denda, mahkamah memerintahkan defendan untuk menjalani hukuman penjara itu berturut-turut, menjadikan hukuman penjara selama 37 bulan.

Perbicaraan berkenaan disidangi oleh Yang Arif Majistret Syaffina binti Shahif, manakala Pegawai Pendakwa dan Pendakwa Raya diwakili oleh Pegawai Pendakwa Raya Khalillah binti Hussin dari Pejabat Peguam Negara.



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Dibukakan Kepada Pembekal-
Pembekal Yang Berdaftar

Bilangan Tawaran :
KHEDN / 25 / 1.1 / 9-2023

Tajuk Projek :
Kenyataan Tawaran Sebut
Harga Bagi Pembekalan Kuih
Muih, Kek dan Buah-Buahan
Serta Pakej Minum Pagi dan
Petang Bagi Keperluan
Mesyuarat dan Kursus Di
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri Secara Berkontrak
Selama Setahun.

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Isnin,
21 Ogos 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu, 23 Ogos 2023.
Jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran :
BND5.00
(Bayaran hendaklah dibuat
sebelum mengambil borang
tawaran)

**Tempat Pengambilan Dokumen
Tawaran :**
Unit Pentadbiran .dan
Kewangan, Tingkat 1 (RW),
Kementerian Hal
Ehwal Dalam Negeri,
Jalan James Pearce, BS8610
Bandar Seri Begawan.



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JBBSB / LTK /
2023-2024 / 02 / UPA

Nama Tawaran :
Tender For One (1) Year Daily
Cleaning Of Bangunan Pasar
Pelbagai Barangan And
Surrounding Areas
(1 September 2023 Until
31 August 2024).

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 15 Ogos 2023.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

1. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(B) / 2023
- 2024 : Perkhidmatan
Pembuangan Sampah Tempoh
2 Tahun Bagi Zon 'B'

1. Sekolah Agama Madewa
2. Sekolah Agama
Pg. Muda Abd. Malik,
Bengkung
3. Sekolah Agama
Pg. Anak Puteri Majeedah
Nuurul Bulqiah,
Kilanas
4. Sekolah Agama Lumapas
5. Sekolah Agama Putat
6. Sekolah Agama Kasat

2. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(C) / 2023
- 2024 : Perkhidmatan
Pembuangan Sampah Tempoh
2 Tahun Bagi Zon 'C'

1. Sekolah Agama
PAP Amal Umami
Kalthum Al Islam,
Mulaut
2. Sekolah Agama Jerudong
3. Sekolah Agama Katimahar
4. Sekolah Agama Masin



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Dibukakan Kepada Pemborong
Yang Berdaftar Dalam

Kelas :
II

**Tarikh akhir mengambil
Dokumen Tawaran :**
Isnin,
21 Ogos 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
22 Ogos 2023.

Bil. Tawaran :
KHEDN / LTK / 2023/07

Tajuk Projek :
Two (2) Years Term
Contract Janitorial
Cleaning Services
For Pasar Pelbagai
Barangan Gadong
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / B00405-06

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan).



**5. Sekolah Agama Panchor
Murai**

3. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(F) / 2023
- 2024

Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi
Zon F

1. Sekolah Agama Pelambayan
2. Sekolah Agama Sungai Besar
3. Sekolah Agama Batu Marang
4. Sekolah Agama
PAP Azemah Ni'matul Bolkiah,
Mentiri
5. Sekolah Agama PM 'Abdul
'Azim, Serasa



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA /
INFRA / FY2023 /
T / BKS / 001
[JPPK / LTK / 10 / 2022]
Upgrading Works to
Cookhouse,
Berakas Garrison.

Tarikh Mula Tawaran :
7 Ogos 2023

Kelas :
III dan ke atas
sahaja

Kategori :
KA01 atau B01

**Tempoh
Penyiapan Kerja :**
Tiga (3) Bulan

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang Tawaran
adalah seminggu sebelum
tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 29 Ogos 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
5 September 2023.
Jam 2.00
Petang.



Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam
Tahun 1444H - 1445H /
2023 - 2024M.

**Tarikh Tutup
Menghantar Borang :**
Rabu,
29 Muharam 1445H /
16 Ogos 2023M.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.



PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
PPN / ASSET / BUU /
QTN / 2023 / 7 / 1

Tajuk Tawaran :
The Supply and Installation
Of Office Furnitures
For Attorney
General's Chambers,
Jalan Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha,
Bandar Seri Begawan,
Brunei
Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 15 Ogos 2023.



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI

Rujukan Tawaran :
JPA / 1.4 / UPK / KPA / 003 / 2023

Tajuk Tawaran :
Term Contract
For the
Supply and Provision
Of Swimming Pool Chemicals
For Swimming Pool
At Civil Service Club
(Kelab Perkhidmatan Awam)
(2023).

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
22 Ogos 2023.
Jam 2.00 Petang.

Bayaran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)



JABATAN PERDANA MENTERI

Expression Of Interest (EOI)

Bilangan Rujukan Projek :
JPM / MPEC / IT / EOI / 2023 / 1

Tajuk Projek :
The Design, Development,
and Support of the One
Manpower Dashboard
Using Microsoft Power
BI for the Manpower
Planning and Employment
Council (MPEC)
Secretariat.

Tarikh Tutup :
Isnin,
14 Ogos 2023.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Tawaran

1. Tajuk Sebut Harga :
Terms Contract 12 Months to
Supply, Delivery and
Commissioning Of Materials
For Welding and Fabrication
Course At Youth Development
Centre, Ministry Of Culture,
Youth and Sports.

Bilangan Sebut Harga :
08 / 2023 / KKBS / PPB / 06

2. Tajuk Sebut Harga :
Kontrak Penggal
12 Bulan Bagi
Pembekalan dan Penghantaran
Bahan-Bahan Latihan
Praktikal Bagi Kursus
Kemahiran Pastri dan
Konfeksionari
(Program Jangka Panjang
dan Program Jangka Pendek)
Di Pusat
Pembangunan Belia,
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Jalan Utama Tanah Jambu,
Brunei Darussalam.

Bilangan Sebut Harga :
08 / 2023 / KKBS / PPB / 07

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
17 Ogos 2023.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.





Rujukan Tawaran :
JPA / 1.4 / UPK / EST / 004 / 2023

Tajuk Tawaran:
Supply and Install Stainless Steel Door Handle and Lock, Public Service Department

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
22 Ogos 2023
Jam 2.00 Petang

Bayaran Tawaran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)



Rujukan Tawaran :
JPA / 1.4 / UPK / EST / 002 / 2023

Tajuk Tawaran :
Tree Cutting and Trimming Of Tree Branches For Public Services Department

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 22 Ogos 2023
Jam 2.00 Petang

Bayaran Tawaran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga :
AUD / PTMK / Q&T / 2023-2024 / 08 :
Borang Tawaran Bagi

Mencetak Buku Fundamental Guidelines In Construction Audit

Tarikh Tutup Sebut Harga :
20 Ogos 2023
Jam 2.00 Petang.



JUALAN SECARA SEBUT HARGA BAGI 1 BUAH KENDERAAN TRUCK LEYLAND 4 TON - MOD 1362 KEPUNYAAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Rujukan :
MINDEF / DFA / MWOC / L / 1 (02 / 2023)

Tarikh Tutup Mengambil Borang :
8 Ogos 2023
Tidak lewat Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Menghantar :
Rabu,
16 Ogos 2023
Tidak lewat Jam 10.00 Pagi.



Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 79 / 23 - 24
- PENGAMBARAN DAN PENYUNTINGAN RANCANGAN MAJALAH, BAHAGIAN RANCANGAN TV, RADIO TELEVISYEN BRUNEI

Yuran Sebut Harga (termasuk e-dokumen) :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy) :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 9 Ogos 2023,
Jam 2.00 Petang



Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan

Kes No. BCY / CP / 286 / 2023

Stantec Asia Limited - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Mohamad Zin bin Awg. Haji Salleh (00-000208) - Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **9 Mac 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Mohamad Zin bin Awg Haji Salleh
No. 190, Simpang 528, Kampong Sungai Hanching Baru, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
25 Februari 2023

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
26 Julai 2023

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **9 Mac 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 30 Oktober 2023, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **30 Oktober 2023, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
26 Julai 2023

Kes No. BCY / CP / 311 / 2023

BIBD AT-Tamwil Berhad - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Al-Nizamuddin Zainul Shah bin Alzafr (01-038425) - Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **13 Julai 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Al-Nizamuddin Zainul Shah bin Alzafr
No. 12, Simpang 74-59-108-37-102, STKRJ Kg. Katok B, BE1918 Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
9 Disember 2020

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

Bertarikh :
24 Julai 2023

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **13 Julai 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 23 Oktober 2023, jam 10.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam

sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **23 Oktober 2023, jam 10.30 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
24 Julai 2023

Kes No. BCY / CP / 46 / 2023

Baiduri Finance Berhad - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Kahar bin Haji Kadir (00-258347) - Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **13 Julai 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Kahar bin Haji Kadir
No. 33, Simpang 130, Jalan

Binglu Selatan, RPN Tanah Jambu, Muara, BD1129, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
3 Jun 2023

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

Bertarikh :
22 Julai 2023

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **22 Jun 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 23 Oktober 2023, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

>> Muka 15

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **23 Oktober 2023, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
22 Julai 2023

Kes No. BCY / CP / 102 / 2023

**Baiduri Finance Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen**

**Dk Norharra Diana binti Pg Haji
Bahar (00-293053)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang**

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **13 Julai 2023.**

**Nama dan alamat terakhir
diketahui :**

**Dk Norharra Diana
binti Pg Haji Bahar
Unit No. A-3, Block 199, Flat
Jalan Laksamana Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam.**

atau

No. 11, Simpang 161,

**Kampong Sungai Tali Lumut,
Kuala Belait,
KC3135,
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Petisyen :
5 Jun 2023

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :
27 Julai 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **13 Julai 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 23 Oktober 2023, jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang

telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **23 Oktober 2023, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
27 Julai 2023

Kes No. BCY / CP / 111 / 2003

**Notis
Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Nama Penghutang - Haji Aidel bin Haji Mohd Zain @ Haji Rozaini (BYIC No. 00-251588) - **Alamat -** No. 25, Simpang 763, Kg. Masin, Jalan Limau Manis, BH2723, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 111 Tahun 2003. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100% **Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir **Bila Kena Dibayar -** 8 Julai 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
12 Julai 2023

Kes No. BCY / CP / 453 / 2008

Notis Mengenai Pembayaran

simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **9 Oktober 2023, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
20 Julai 2023

Kes No. BCY / CP / 122 / 2021

**Baiduri Bank Sendirian Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen**

**Azmiliza binti Haji Sarang /
Haji Lampoh
(00-279342)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang**

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **13 Julai 2023.**

Komposisi Kedua dan Terakhir

Nama Penghutang - Satia binti Haji Tahir (BYIC No. 00-114272) - **Alamat -** No. 19, Simpang 286-30-55-3, RPN Kg. Lumut, Mukim Liang, KC3135, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 453 Tahun 2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100% **Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir **Bila Kena Dibayar -** 21 Jun 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
21 Jun 2023

Kes No. BCY / CP / 6 / 2020

**Bank Islam
Brunei Darussalam Berhad
- Pemiutang / Pemetisyen**

**Mohammad Khairi bin Abd
Salam
(00-315908)
- Penghutang / Penentang**

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian :

A. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **10 Jun 2023.**

**Nama dan Alamat Bankrap :
Mohammad Khairi bin Abd
Salam**

**No. 1182, Jalan Mulaut, Limau
Manis, Kampong Pengkalan
Batu, BH1123,
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Permohonan :
20 April 2023

B. Semua sipiutang-sipiutang

**Nama dan alamat terakhir
diketahui :**

**Azmiliza binti Haji Sarang / Haji
Lampoh
No. 5, Simpang 142-5, Jalan
Bukit Sinadur, RPN Mengkubau,
Mukim Mentiri,
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Petisyen :
23 Jun 2021

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :
22 Julai 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **13 Julai 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1,**

kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

C. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :
27 Julai 2023

Kes No. BCY / CP / 14 / 2009

**Baiduri Bank Sendirian Berhad
- Pemiutang / Pemetisyen**

**Normasuhilah binti Bakri
(00-279770)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang**

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 30 Julai 2009 telah dibatalkan pada **6 Julai 2023.**

**Nama Penghutang :
Normasuhilah binti Bakri**

**Alamat Penghutang :
No. 6A, Simpang 1579-37,
STKRJ Kg. Telisai Tutong,
Negara Brunei Darussalam**

Bertarikh :
27 Julai 2023

**Hajah Normazdina
binti Haji Md Maskub
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**

**Bilik (L1-13), Mahkamah Besar
pada 9 Oktober 2023, jam 9.30
Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **9 Oktober 2023, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
22 Julai 2023

**Dk Siti Nursu'aidah
binti Pg Jufrihar @ Pg
Tajuddin
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan**

Kes No. BCY / CP / 59 / 2023

**Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen**

**Ahmad Termizi bin Abdullah @
Matdani bin Haji Juni
(00-283675)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang**

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **10 Jun 2023.**

**Nama dan alamat terakhir
diketahui :**

**Ahmad Termizi bin Abdullah @
Matdani bin Haji Juni
No. 12, Simpang 128, Jalan
Rimba Terunjing, Berakas,
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Petisyen :
22 Mei 2023

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :
20 Julai 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **10 Jun 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13), Mahkamah Besar pada 9 Oktober 2023, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan

IMBASAN MINGGUAN



PERSEMBAHAN Khas yang membawakan tema 'Raja Pengasih Rakyat Bahagia' pada Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

PEMBACA Utama Ikrar Belia, Pegawai Pelajaran, Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki serta Pengiring, Atlet Sukan Badminton Sukan Para, Awangku Muhammad Amirul Fa'iq bin Pengiran Zali dan Pengiring, Pengasas serta Pengurus Syarikat Qafa House Enterprise & Fast Tailoring Company, Dayang Norfatriah binti Abdullah. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

ANTARA aktiviti yang diadakan semasa 'Hari Budaya Brunei' anjuran Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB). - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



ANTARA persembahan PENTARAMA yang memeriahkan suasana sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.

ANTARA aksi pada saingan Liga Belia FABD Bawah 20 Tahun (FABD Youth League U20) yang berlangsung di Jerudong Park Mini Stadium, di sini. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



PERSEMBAHAN bacaan Al-Quran daripada Hafiz Tempatan, Pegawai Pelajaran (Al-Qur'an dan Al-Qira'at), Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, ITQSHHB, Awang Mohd. Hashim bin Haji Abdullah pada Majlis Pelancaran Rancangan Radio Bacaan 30 Juzu' Al-Qur'an di saluran radio Al-Quran 89.1 FM dan 99.7 FM bersempena 30 Tahun Penubuhan ITQSHHB. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

PONI DIVERS RAI HARI MENYELAM WANITA, SKUBA ANTARABANGSA



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

MUARA, Ahad, 6 Ogos. - Bersempena dengan Hari Penyelam Wanita dan Skuba Antarabangsa 2023, PADI Women Poni Divers hari ini menganjur

aktiviti menyelam dan *snorkeling*.

Lebih 10 wanita menyertai aktiviti tersebut di mana Poni Divers menyediakan dua buah perahu dengan dua lokasi berbeza iaitu

bagi aktiviti penyelam dan kemudian dibawa kedua buah tempat menyelam terkenal di Negara Brunei Darussalam.

Manakala bagi yang melakukan aktiviti *snorkeling* pula berpeluang untuk berkelah dan menaiki Banana Boat di Pulau Pelumpang.



SEBAHAGIAN penyelam yang menyertai aktiviti *snorkel* dan menyelam sempena Hari Penyelam Wanita dan Skuba Antarabangsa 2023 anjuran Poni Divers (kiri), sementara gambar atas, antara aktiviti semasa PADI Women Poni Divers.

Hari Penyelam Wanita menggalakkan wanita di seluruh dunia untuk sama-sama belajar untuk menyelam dan meraikan pencapaian dalam sukan tersebut.

PADI telah mula sejak tahun 2015 dan Poni Divers telah menganjurkan Hari Penyelam Wanita sejak 2018 bersama Ladies Dive Specials untuk menunjukkan komitmen mereka dalam memupuk komuniti menyelam serta

menggalakkan dan memperkasa wanita dari semua peringkat umur untuk menerokai dunia bawah air dengan yakin dan selamat.

Sementara itu, Hari Skuba Antarabangsa merupakan acara tahunan baharu yang ditubuhkan oleh pasukan penyelam dalam mempromosikan dan meraikan pengalaman menyelam dan menyatukan komuniti penyelam serta pencinta lautan di seluruh dunia.



SEBAHAGIAN penyelam yang menyertai aktiviti *snorkel* dan menyelam (atas), manakala gambar bawah, antara aktiviti semasa PADI Women Poni Divers.



KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM



- 1 Pilih makanan segar dan tidak berproses
- 2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
- 3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- 4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- 5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

1385 mg



1 bungkus Mee Segera

1000 mg



Sebilu Telur Masin

880 mg



1 sudu makan Kicap

376 mg



3 sudu makan Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil Keropok Udang Tempatan

120 mg



1 cawan Kentang Goreng

116 mg



Segenggam Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan Amping

1.7 mg



Segenggam Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebilu ukuran sederhana Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpabrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam, 123

TINGKATKAN KESEDARAN MENGENAI PSI



■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TEMBURONG, Sabtu, 5 Ogos. - Minggu Penyusuan Susu Ibu (PSI) Sedunia merupakan aktiviti tahunan yang disambut pada setiap minggu pertama pada bulan Ogos setiap tahun yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu-isu berkaitan PSI.

Pada tahun ini tema sambutan Minggu PSI adalah 'Memudahkan Penyusuan Susu Ibu : Menjana Perubahan Bermakna Untuk Ibu Bapa Bekerja (Enabling Breastfeeding : Making a Difference for Working Parents)'.

Sehubungan itu, Sambutan Minggu PSI Sedunia, Peringkat Daerah Temburong turut diadakan pagi tadi bertempat di Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam (PIHM), Temburong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Dayang Faezah binti Haji Jumarali, isteri Pegawai Daerah Temburong.

Antara aktiviti-aktiviti menghiasi

ISTERI Pegawai Daerah Temburong hadir selaku tetamu kehormat (kiri) dan seterusnya menyampaikan sijil dan cenderahati kepada tiga orang ibu terpilih yang berjaya menyusukan anak damit secara eksklusif (bawah kanan).

sambutan berkenaan ialah sesi perkongsian dari salah seorang ibu yang telah berjaya menyusukan anak damit secara eksklusif iaitu Dayang Nur Amalina binti Haji Sawal dan juga pameran-pameran pendidikan mengenai PSI.

Juga hadir, Pentadbir Kanan Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam Temburong, pegawai serta kakitangan dari Hospital PIHM.



1,828 pelajar IBTE ikuti Minggu Orientasi

■ Siaran Akhbar dan Foto : Institut Pendidikan Teknikal Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Ogos. - Seramai 1,828 pelajar baharu Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) bagi pengambilan Ogos 2023 menyertai Minggu Orientasi bagi IBTE Central dan Satellite yang diadakan serentak pada 1 hingga 3 Ogos 2023.

Sebanyak 31 program ditawarkan bagi sesi akademik Ogos 2023/2024 yang terdiri daripada satu Diploma program (BDQF tahap 5) dan 30 HNTec program.

Minggu Orientasi berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan ikrar

daripada Majlis Pelajar dan kemudiannya diteruskan dengan taklimat kepada ibu bapa dan pelajar baharu.

Tujuan taklimat berkenaan adalah bagi membantu para ibu bapa dan pelajar dalam mengenali dan mengetahui peraturan-peraturan kampus dan kemudahan-kemudahan yang akan diterima oleh pelajar, di samping mengenali sistem pembelajaran di IBTE.

Minggu Orientasi berkenaan juga diisi dengan pelbagai aktiviti dan taklimat daripada pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Penjara dan

agensi lain bagi mengongsikan maklumat-maklumat yang dapat membantu para pelajar baharu di dalam mengikuti program di IBTE.

Acara selama tiga hari berkenaan diakhiri dengan acara-acara keagamaan yang dikendalikan oleh guru-guru agama di kampus masing-masing.

Acara kemuncak Minggu Orientasi akan diadakan pada 9 Ogos 2023 yang akan berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



PELAJAR baharu Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) bagi pengambilan Ogos 2023 menyertai Minggu Orientasi bagi IBTE Central dan Satellite yang diadakan serentak pada 1 hingga 3 Ogos 2023.

Taklimat beri motivasi kepada pelajar



PRESIDEN Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) ketika menyampaikan Taklimat Extreme Goal Setting.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar mengambil inisiatif dengan mengadakan Taklimat Motivasi bagi memberikan celik akal kepada mahasiswa dan mahasiswi UNISSA yang baharu melangkah ke alam universiti di dalam membuat perancangan matlamat kehidupan mereka.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan taklimat Extreme Goal Setting yang disampaikan oleh Presiden Persatuan Kemajuan Insan (KESAN), Awang Muhammad Najib bin Haji Latif.

Dalam taklimat berkenaan, para pelajar diajar dan dibimbing cara mengenal pasti permasalahan atau keperluan di dalam mencapai matlamat mereka.

Taklimat juga turut menyentuh mengenai cara yang mudah dan lebih baik dalam membuat keputusan semasa merancang matlamat jangka masa panjang atau pendek serta kesannya pada masa hadapan.

Para pelajar juga berkesempatan untuk mengajukan beberapa soalan dan menyuarakan pandangan masing-masing sepanjang taklimat berkenaan.

BAYAR DENDA KESALAHAN LALULINTAS DALAM TALIAN (ONLINE PAYMENT)

Sekarang, awda boleh membayar denda kesalahan lalulintas secara dalam talian 'Online Payment'

Powered by **BIBD** NEXGEN



Berkecimpung dalam pembacaan Al-Quran sejak remaja

Oleh : Dk. Vivvy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

RUANG Belia Berwawasan kali ini mendekati seorang qari yang telah berjaya menyandang gelaran johan pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi. Belia yang dimaksudkan ialah Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki berumur 35 tahun berasal dari Kampung Sungai Belukut. Berkelulusan BA Perguruan Ugama Jurusan Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan bertugas sebagai Pegawai Pelajaran di Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah.

Soalan : Terangkan awal mula berkecimpung dan pencapaian dalam bidang pembacaan Al-Quran dalam dan luar negara?

Jawapan : Mengikuti pertandingan Al-Quran pada tahun 2000 peringkat sekolah agama bagi Kategori 'Ba' anjuran Jabatan Pengajian Islam (JPI) adalah titik permulaan berkecimpung dalam bidang seni Tarannum Al-Quran, ketika berumur 12 tahun dalam Darjah 5 di Sekolah Ugama Kampung Pelambayan. Pada mulanya saya memang tidak berminat mengikuti pertandingan tersebut tetapi atas dorongan dari ibu bapa dan guru-guru sekolah agama saya pun memberanikan diri mengikuti pertandingan tersebut, memandangkan saya juga mempunyai asas lagu-lagu seni Tarannum Al-Quran yang diajar oleh ayah saya ketika berumur sembilan tahun dan berjaya mendapat tempat kedua. Pada tahun 2001, saya menyertai pertandingan Al-Quran peringkat sekolah agama bagi Kategori 'Alif' anjuran JPI. Dalam pertandingan tersebut saya berjaya menjadi naib juara.

Semasa bersekolah di Sekolah Menengah Pehin Dato Seri Maharaja, saya dipilih untuk mewakili sekolah menyertai pertandingan Al-Quran peringkat sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab senegara pada tahun 2001. Di sinilah lahirnya minat untuk mendalami lebih dalam bidang seni Tarannum Al-Quran. Manakala pada tahun 2004, saya menjadi naib juara dan tahun 2005 saya menjadi johan di pertandingan tersebut.

Seterusnya saya menyertai beberapa pertandingan dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pada tahun 2006 hingga 2009. Pada tahun 2006

dan 2007 saya menjadi naib juara di Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Belia Kebangsaan. Pada tahun 2008 dan 2009 saya berjaya menjadi johan di pertandingan yang sama. Pada tahun 2011, saya telah terpilih menjadi wakil negara ke Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Belia Asia Tenggara dan muncul sebagai johan.

Penglibatan di dalam Tarannum Al-Quran tidak ditinggalkan semasa membuat pengajian di peringkat universiti. Pada tahun 2010, saya mewakili mahasiswa KUPU SB dan muncul johan di Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Universiti anjuran Universiti Brunei Darussalam (UBD). Setahun selepas itu menjadi naib juara di Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Universiti ASEAN anjuran USIM Malaysia.

Sementara di peringkat kebangsaan pula, saya telah mengikuti Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan sebanyak empat kali iaitu di tahun 2010 mendapat tempat keempat, 2015 tempat ketiga, 2020 naib juara dan tahun 2023 merangkul sebagai johan.

Penglibatan di dalam seni bidang Tarannum Al-Quran juga tidak terkecuali di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2011, saya mewakili negara ke Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Pelajar-pelajar Islam di Republik Islam Iran. Pada tahun 2012 mewakili negara ke Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Antarabangsa di Kuwait. Pada tahun 2015, mewakili negara ke Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Republik Indonesia, Jakarta dan Kursus Intensif bagi Peserta-peserta Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Akhir Kebangsaan pada tahun 2015.

Soalan : Apakah pendorong utama hingga berminat dalam pembacaan Al-Quran?

Jawapan : Minat di dalam seni bidang Tarannum adalah disebabkan beberapa faktor iaitu dorongan dari ibu bapa. Tambahan pula, ayah saya juga mengajar asas-asas Tarannum, selain mendapat didikan daripada tenaga guru luar untuk mengajar secara persendirian di rumah. Minat ini terus berkembang melalui pertandingan-pertandingan Al-Quran yang disertai selain disebabkan rasa seronok setelah mengetahui keindahan pelbagai lagu yang telah diajarkan.

Soalan : Apakah latihan yang dijalankan,

untuk menjadi pembaca Al-Quran terbaik?

Jawapan : Melalui latihan yang menyeluruh secara konsisten daripada guru-guru yang mahir dalam Al-Quran yang meliputi kepelbagaian lagu Tarannum Al-Quran, latihan untuk ketahanan suara, latihan menghalusi tajwid dan fasahah serta teknik-teknik sebelum pertandingan dan juga membuat latihan secara bersendirian setiap hari selepas solat bagi membantu saya untuk menjadi lebih baik dalam pembacaan Al-Quran.

Selain sentiasa menjaga kesihatan dengan bersenam, bertujuan untuk ketahanan suara dan latihan pernafasan, saya juga membiasakan mendengar bacaan daripada qari-qari yang masyhur melalui YouTube dan laman-laman lain.

Soalan : Apakah pencapaian diperoleh dalam bidang Al-Quran?

Jawapan : Pencapaian yang diperoleh dari dahulu hingga sekarang antaranya, naib johan di Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Sekolah Ugama Kategori 'Ba' anjuran JPI pada tahun 2000; naib johan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Sekolah Ugama Kategori 'Alif' anjuran JPI pada tahun 2001; naib johan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Peringkat Akhir 2004 dan menyertai Skim Tilawah Al-Quran Remaja hingga ke Peringkat Lanjutan.

Johan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Peringkat Akhir 2005; naib johan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Belia Kebangsaan anjuran KKBS Brunei Darussalam 2006; naib johan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Belia Kebangsaan anjuran KKBS Brunei Darussalam 2007; johan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Belia Kebangsaan anjuran KKBS Brunei Darussalam 2008 dan johan Pertandingan Zainul Quran anjuran Rangkaian Nur Islam, Radio Televisyen Brunei (RTB) 2008; johan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Belia Kebangsaan anjuran KKBS Brunei Darussalam dan mengikuti kursus Al-Quran 2009.

Johan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Universiti anjuran UBD; naib johan Pertandingan Zainul Quran anjuran Rangkaian Nur Islam, RTB 2010; johan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Belia Asia Tenggara; naib johan Pertandingan Musabaqah Tilawah

Al-Quran Peringkat Universiti ASEAN anjuran USIM Malaysia; tempat ketiga di Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan; naib johan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan dan Kursus Intensif bagi Peserta-peserta Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Akhir Kebangsaan 2020.

Soalan : Apakah kegiatan tambahan dan anugerah yang diperoleh hingga sekarang?

Jawapan : Saya turut dilantik sebagai Pembaca Ikrar di Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-8, Tahun 2013 Masihi; Pembaca Inti Sari Bacaan Al-Quran di Majlis Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat baginda tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi; Solo Takbir Hari Raya di Majlis Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat baginda tahun 1440 Hijrah / 2015 Masihi. Selain dijemput mempersembahkan bacaan Al-Quran di majlis rasmi negara, majlis-majlis rasmi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dan majlis-majlis persendirian, di samping menjadi juri di Musabaqah Membaca Al-Quran, Pertandingan Azan, Pertandingan Nasyid, Pertandingan Tausyeh dan Azan; menjadi ahli jawatankuasa bahagian persembahan di majlis-majlis peringkat negara.

Saya juga menyertai bengkel-bengkel Al-Quran yang dianjurkan oleh institusi kerajaan dan swasta; menjadi ahli barisan di dalam Pasukan Cemerlang pada Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Tahun 2017; menjadi barisan Pembaca Ikrar Sambutan Hari Kebangsaan NBD Tahun 2020; dan dianugerahkan sebagai Guru Cemerlang STPUB Al-Quran Tahun 2020.

Soalan : Nasihat kepada belia yang berminat dalam pembacaan Al-Quran?

Jawapan : Dalam kesempatan ini, saya ingin memberikan nasihat kepada belia di luar sana untuk sentiasa rajin berusaha, mempunyai semangat dan azam yang kuat untuk memartabatkan Al-Quran di negara ini. Dengan itu, kita dapat mendukung hasrat Kebawah DYMM untuk mejadikan semua rakyat baginda celik Al-Quran dan menjadikan NBD sebagai Negara Zikir.

4 FASA PROSES PENYEDIAAN VNR KALI KEDUA

Persediaan dan perancangan - Memajukan rancangan dan mengambil kemajuan daripada Voluntary National Review (VNR) yang pertama.

Pengumpulan dan analisis data - Mengembangkan jalan cerita dan mesej utama daripada data kuantitatif dan kualitatif.

Penggubal dan semakan - Menggubal dan mengesahkan laporan dengan pelbagai pihak berkepentingan ke arah memuktamadkan dan mengesahkan laporan.

HLPF 2023 penyediaan dan pembentangan - Menjangka dan menyediakan keperluan logistik dan substantif dalam membentangkan laporan.

SOROTAN BENGKEL KEBANGSAAN MENGENAI VNR KEDUA

"... PENUMPUNGAN DAN DAYA TAHAN YANG KITA SEMUA SAKSIKAN SEMASA PANDEMIK MEMBERI KITA PRATONTON TENTANG APA YANG BOLEH KITA CAPAI JIKA KITA SALING MENYOKONG ANTARA SATU SAMA LAIN DAN BEKERJASAMA DENGAN EFEKTIF DAN SALING MENGHORMATI. INI SALAH SATU INTIPATI MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN, UNTUK MERANGKUL SEMANGAT KEBERSAMAAN BAGI MEMASTIKAN TIADA SESIAPA YANG KETINGGALAN".

Petikan Ucapan Perasmian oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.



"TUJUH TAHUN BERLALU, DAN WALAUPUN TERDAPAT HALANGAN BESAR, SDG KEKAL 'NORTH STAR' KAMI. MEREKA LEBIH BERTAMBAH BERBANDING SEBELUM INI DAN TIDAK BOLEH DITANGGUH LAGI. KITA PERLU BERTINDAK SEKARANG DAN PERJUMPAAN HARI INI ADALAH PETANDA POSITIF BAHAWA BRUNEI MASIH BERADA DI ATAS LANDASAN".

Petikan Ucapan oleh Penyelaras Residen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Karima El Korri.



Persediaan bagi Voluntary National Review (VNR) Kali Kedua

Terjemahan oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Sumber : Brunei Darussalam Sustainable Development Goals Annual Report 2022

Foto : Jabatan Penerangan

Infototo : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

NEGARA Brunei Darussalam akan mengemukakan Voluntary National Review (VNR) Kali Kedua semasa Forum Politik Peringkat Tinggi mengenai Pembangunan Mampan pada tahun 2023. Untuk memastikan laporan inklusif mengenai kemajuan Matlamat Pembangunan Mampan, Sekretariat menggabungkan proses seluruh negara (Whole-of-Nation) dalam penyediaan VNR Ke-2. Dibimbing oleh rakan kongsi dari Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk Asia dan Pasifik, empat fasa ditetapkan seperti di dalam rajah.

Proses ini kini berada dalam Fasa 2 dan dijangka akan beralih ke Fasa 3 tidak lama lagi. Fasa 2 sendiri mempunyai proses tiga langkah untuk dilaksanakan. Pertama, pengumpulan data adalah melalui kemajuan inventori VNR pertama dari agensi-agensi yang berkaitan. Kedua, dalam mencari sumber utama input seluruh negara, satu bengkel kebangsaan telah dianjurkan pada 31 Oktober - 2 November 2022. Bengkel ini hanyalah permulaan untuk mengumpulkan

input dari semua orang. Ketika sekretariat mula memahami input yang dikumpulkan setakat ini, langkah ketiga bermula yang merupakan proses mendalami isu-isu yang memerlukan perhatian negara.

Bengkel kebangsaan mengenai VNR Kedua

Bengkel yang dianjurkan pada 31 Oktober - 2 November 2022, di Jabatan Perdana Menteri telah berlangsung dengan jayanya. Lebih 100 peserta telah menghadiri bengkel tersebut, termasuk wakil daripada agensi kerajaan, badan berkanun, badan bukan kerajaan, masyarakat awam, sektor swasta dan institusi-institusi akademik.

Bukan sahaja jangkaan untuk mengumpul input seluruh negara dipenuhi, tetapi nilai tambah dan perspektif yang jujur mengenai kemajuan semasa dan masa depan Agenda 2030 daripada semua pihak berkepentingan, termasuk sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, dan masyarakat awam pastinya menambahkan lebih banyak potensi dalam menterjemahkan hasil VNR Kedua kepada

tindakan konkrit.

Bengkel ini menawarkan gambaran keseluruhan agenda kemampunan kemajuan global, serantau, dan tempatan yang dibentangkan oleh pakar dari Pejabat Penyelaras Residen PBB, Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial PBB untuk Asia dan Pasifik, Program Pembangunan PBB dan Jabatan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Dialog mengenai Matlamat 13 (Tindakan Iklim) adalah menarik, membawa perspektif berbeza yang dibentangkan oleh wakil dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan; Bank Islam Brunei Darussalam; Universiti Brunei Darussalam; Bruwild; dan Pusat Kerjasama Alam Sekitar Sains dan Teknologi (STEP).

Selain itu, lima perbincangan kumpulan berfokus telah diadakan, melihat kepada 5 'P' iaitu People, Planet, Prosperity, Partnership dan Peace. Hasilnya menetapkan usul dalam membentuk jalan cerita untuk laporan VNR Kedua.

Kesimpulan

Kedua-dua fasa Pandemik dan Endemik COVID-19 global mungkin telah menghalang kemajuan Agenda 2030 di Negara Brunei Darussalam (NBD), tetapi ia tidak diabaikan. Pencapaian itu kecil tetapi penting untuk

membina semula dengan lebih baik melalui perlindungan planet ini, mata pencarian manusia, dan kemakmuran wanita.

Pandemik COVID-19 membawa cabaran yang tidak pernah berlaku sebelum ini terhadap kehidupan dan masyarakat serta mengancam untuk mengekang komuniti global dalam mencapai Matlamat SDG. Di sebalik cabaran, NBD meneruskan perjalanannya untuk menyokong agenda SDG, ditambah pula dengan tindakan pantas dan awal kerajaan dapat meneruskan usaha kemampunan.

Pencapaian-pencapaian kerajaan tidak terhad kepada lima matlamat ini. Lebih banyak kemajuan merentasi Matlamat Pembangunan Mampan yang melengkapkan usaha negara untuk merealisasikan Wawasan 2035. Lebih banyak peluang untuk berkongsi kemajuan ini, terutamanya pada tahun 2023 apabila NBD membentangkan VNR Kedua kepada Forum Politik Peringkat Tinggi 2023 pada bulan Julai 2023.

Secara keseluruhannya, pencapaian yang memberi impak dijangka pada tahun 2023 akan membawa kita lebih dekat kepada asas yang lebih kukuh untuk menyepadukan kemampunan di peringkat kebangsaan.



SWEDEN BERUSAHA PERBAIKI HUBUNGAN DENGAN NEGARA ISLAM

LONDON, 6 Ogos. - Sweden mahu mengukuhkan hubungan dengan negara-negara Islam, kata Menteri Luar Sweden Tobias Billstrom, ketika negara itu

berdepan kritikan terhadap insiden penghinaan berulang kali terhadap Al-Quran, lapor Agensi Anadolu.

Dalam satu kenyataan pada Sabtu, Kementerian Luar memaklumkan bahawa Billstrom

mengadakan perbualan dengan lebih 20 duta negara-negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di ibu negara Stockholm pada Jumaat.

"Memulihkan kepercayaan dan keyakinan mengambil masa.

Saya akan menumpukan sebahagian besar daripada tempoh pilihan raya ini untuk mengukuhkan hubungan dengan negara-negara Islam," kata Billstrom.

Beliau berkata kerajaannya "menolak sekeras-kerasnya" pembakaran salinan kitab suci, sambil menambah bahawa Kementerian Kehakiman telah memulakan analisis dan sedang mengusahakan terma rujukan siasatan untuk mengkaji semula Akta Ketenteraman Awam.

Awal minggu ini, Menteri Kehakiman Gunnar Strommer berkata bahawa satu penyelesaian yang berpotensi untuk mencegah kejadian sama berulang lagi adalah dengan menggunakan kuasa kecemasan di bawah Akta Ketenteraman Awam.

Jakob Forssmed, Menteri Hal Ehwal Sosial Sweden, juga mengadakan pertemuan dengan wakil daripada organisasi berbeza agama di ibu negara Sweden pada Jumaat. - ©BERNAMA

3 maut, 2 cedera ditembak di Washington

WASHINGTON, 6 Ogos. - Tiga maut manakala dua lagi cedera dalam kejadian tembakan di Tenggara Washington D.C. pada malam Sabtu.

Pegawai polis menerima panggilan kecemasan sekitar jam 8.00 malam (0000 GMT Ahad) di blok 1600 Good Hope Road, sebelum menemukan lima mangsa, iaitu empat lelaki dan seorang wanita.

Dua lelaki dan seorang wanita disahkan

meninggal dunia di tempat kejadian, manakala dua lagi mangsa dikejarkan ke hospital tempatan, kata Pamela A. Smith, Pemangku Ketua Polis Jabatan Polis Metropolitan, lapor Xinhua.

"Keganasan senjata api ini perlu dihentikan. Ia amat mengecewakan. Kami tahu bahawa seseorang dalam komuniti tahu apa yang berlaku. Sila hubungi kami dan berikan kami sebarang maklumat agar kami dapat memastikan rakyat,

penduduk selamat dalam komuniti mereka," katanya pada sidang media.

Beliau berkata insiden tembakan itu sedang dalam siasatan.

Awal Sabtu, dua lelaki mati ditembak, manakala seorang lagi cedera parah dalam satu kejadian serupa di Barat Laut Washington.

Tembakan berlaku di blok 2500 Ontario Road pada kira-kira 1.00 pagi (0500 GMT) waktu tempatan. - ©BERNAMA

Angka kematian melebihi 300, kes demam denggi cetus kecemasan kesihatan di Bangladesh

DHAKA, 6 Ogos. - Demam denggi mencetuskan kecemasan kesihatan awam di Bangladesh, dengan 10 kematian direkodkan pada Sabtu menjadikan jumlah kematian setakat ini mencecah 303, menurut Direktorat Jenderal Perkhidmatan Kesihatan (DGHS).

Menurut DGHS, sebanyak 281 kematian akibat denggi dicatatkan pada tahun lepas,

jumlah tertinggi pernah direkodkan di mana-mana negara, lapor Agensi Anadolu.

Jumlah kemasukan ke hospital mencecah 63,968 dengan 2,495 kes baharu.

Kebanyakan kematian direkodkan di ibu negara, Dhaka iaitu sebanyak 241 kematian.

Mushtaq Hussain, pakar virologi dan penasihat Institut Epidemiologi, Kawalan Penyakit

dan Penyelidikan (IEDCR) yang dikendalikan kerajaan, memberitahu situasi terkini telah menjadi kecemasan kesihatan awam.

Beliau mencadangkan kerajaan mendedikasikan institusi berasingan seperti IEDCR, atau memperkenankan institusi baharu untuk menangani situasi secara terkoordinasi dan bersepadu. - ©BERNAMA

147 maut akibat bencana alam di China, 16 juta orang terjejas

ISTANBUL, 5 Ogos. - Bencana alam di China memberi kesan kepada hampir 16 juta orang serta mengakibatkan 147 kematian pada Julai, menurut Kementerian Pengurusan Kecemasan negara itu.

Dalam tempoh yang sama, 703,000 orang telah dipindahkan dan ditempatkan semula berikutan bencana itu.

Bencana itu turut menyebabkan 4,300 rumah runtuh, 8,400 rumah rosak teruk dan 40,000 kediaman mengalami

kerosakan kecil.

Data Kementerian menunjukkan bahawa beribu-ribu hektar tanah ladang turut terjejas, mengakibatkan kerugian ekonomi sebanyak 41 bilion yuan (\$5.7 bilion), Anadolu Agency memetik laporan China Daily.

Beijing bertindak balas dengan mengaktifkan kecemasan Tahap Empat di kebanyakan wilayah akibat hujan lebat dan banjir.

Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Air memperuntukkan 450 juta yuan

(AS\$63 juta) sebagai tindak balas menyokong usaha pencegahan banjir dan membaiki infrastruktur yang rosak di wilayah Beijing-Tianjin-Hebei.

China menyaksikan taburan hujan tertinggi dalam tempoh 140 tahun sejak Taufan Doksuri melanda negara itu Jumaat lalu.

Di barat laut China, gelombang haba selama 10 hari diramalkan bermula Jumaat, dengan suhu mencecah 40 darjah Celcius di beberapa kawasan. - ©BERNAMA

Bekas PM Pakistan Imran Khan ditahan sejurus mahkamah jatuhkan hukuman penjara

ISLAMABAD, 5 Ogos. - Polis Islamabad telah menahan bekas Perdana Menteri, Imran Khan pada Sabtu di kediamannya di bandar timur Lahore selepas mahkamah tempatan menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun kerana menyembunyikan aset kewangannya.

Unit media parti Pakistan Tehreek-e-Insaf (PTI) memberitahu Xinhua bahawa bekas Perdana Menteri itu ditahan selepas mahkamah mengeluarkan waran tangkap terhadapnya membabitkan kes berkaitan penjualan hadiah negara secara

haram.

Terdahulu, Hakim Daerah dan Sesi Tambahan di Islamabad, Humayun Dilawar menjatuhkan hukuman terhadap Khan dalam kes Toshakhana (kes hadiah kebangsaan) dan melucutkan kelayakannya selama lima tahun daripada memegang sebarang jawatan.

Khan didakwa dengan sengaja menyembunyikan butiran hadiah yang dibelinya dari Toshakhana, sebuah tempat penyimpanan di mana hadiah yang diberikan kepada pegawai kerajaan oleh pegawai asing disimpan dan

kemudian dijual kepada pegawai yang membayar peratusan tertentu daripada jumlah sebenar.

Pengerusi PTI itu juga didakwa terabit dalam amalan rasuah di bawah Seksyen 174 Akta Pilihan Raya 2017 dan mengemukakan affidavit palsu kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk asetnya.

Timbalan Pengerusi PTI, Shah Mahmood Qureshi memberitahu media bahawa pasukan peguam Khan sedang berusaha memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi Islamabad terhadap keputusan itu. - ©BERNAMA

Kira-kira 30 hilang selepas dua kapal karam di Lampedusa, Itali

ROME, 6 Ogos. - Kira-kira 30 orang dilaporkan hilang awal Ahad selepas dua kapal karam di luar kepulauan Lampedusa di Itali.

Pengawal Pantai berjaya menyelamatkan 57 pendarat dan menemukan dua mayat, iaitu seorang wanita dan seorang kanak-kanak, lapor agensi berita Itali ANSA.

Bot pertama didakwa membawa 48 penumpang dengan 45 daripadanya berjaya diselamatkan, manakala tiga lagi penumpang gagal dikesan.

Bot kedua yang membawa 42 penumpang dari Afrika Sub-Sahara, 14 daripadanya berjaya diselamatkan. - ©BERNAMA

Letupan gudang penyimpanan mercun dan bunga api di Narathiwat : Pasangan suami isteri serah diri

SONGKHLA (Selatan Thailand), 6 Ogos. - Sepasang suami isteri warga Thailand yang merupakan pemilik gudang penyimpanan mercun dan bunga api yang meletup di Mundok, Sungai Kolok, Narathiwat ditahan polis selepas menyerah diri pada Sabtu (5 Ogos).

Ketua Polis Narathiwat, Mej Jen Anuruth Imarb berkata kedua-dua individu berusia 42 tahun itu menyerah diri kepada Polis Malaysia semalam sebelum diserahkan kepada Polis Thailand di Sadao pada 1.30 petang (waktu tempatan) dan tiba di Balai Polis Mundok pada 9.00 malam untuk disoal siasat.

"Mereka berdepan empat pertuduhan termasuk kecuaiannya sehingga menyebabkan kematian, mengimport dan menjual bunga api dan mercun berbahaya tanpa permit, mengubah suai bangunan tanpa kebenaran pihak berkuasa tempatan dan melanggar undang-undang darurat di Selatan Thailand," katanya pada satu sidang media di sini.

Sebelum ini, Polis Thailand telah mengeluarkan waran tangkap terhadap kedua-dua individu berkenaan dan memohon bantuan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengesan mereka setelah melarikan diri ke negara ini.

Pada 29 Julai lepas, seramai 11 orang maut, manakala 300 cedera dalam insiden letupan di gudang berkenaan.

Statistik Pejabat Wilayah Narathiwat menunjukkan 681 premis termasuk rumah, kedai dan sekolah musnah dan mengalami kerosakan dalam insiden pada 3.05 petang (waktu tempatan).

Selain itu, 41 kenderaan dan 27 motosikal turut musnah manakala lebih 3,000 penduduk terjejas. - ©BERNAMA

Tokoh pembangkang Rusia Alexey Navalny dihukum penjara 19 tahun lagi

MOSCOW, 5 Ogos. - Mahkamah Moscow pada Jumaat menjatuhkan hukuman penjara 19 tahun lagi terhadap tokoh pembangkang Rusia Alexey Navalny atas tuduhan ekstremisme.

Menurut penyiasat, Navalny dan penyokongnya mengasaskan kumpulan yang dipanggil "Yayasan Anti Rasuah" pada 2014 untuk menjalankan aktiviti yang bertujuan mengubah sistem perlembagaan negara, mengancam keselamatan awam, dan integriti negara, lapor Agensi Anadolu.

Navalny telah menjalani hukuman penjara melebihi 11 tahun kerana penipuan dan tidak menghormati mahkamah.

Penyiasat membuka satu lagi kes jenayah terhadapnya atas dakwaan menyeru kepada keganasan dan pemulihan Nazisme. - ©BERNAMA

PASUKAN KAMPUNG PENANJONG JUARA PERTANDINGAN BADMINTON



Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Ihsan Jabatan Daerah Tutong



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan (kiri) manakala gambar kanan, sekitar pertandingan tersebut yang diadakan di Dewan Sekolah Menengah Chung Hwa Kiudang.

TUTONG, Ahad, 6 Ogos. - Pasukan Kampung Penanjong muncul johan pada Pertandingan Badminton anjuran Majlis Perundingan Mukim Pekan Tutong, berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Chung Hwa Kiudang, hari ini.

Naib johan ialah pasukan Kampung Penabai / Kuala Tutong dan pasukan Kampung Panchor

menduduki di tempat ketiga.

Pertandingan diadakan selama sehari bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang itu bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77.

Hadir selaku tetamu kehormat

dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Sebanyak tiga bergu dari beberapa buah kampung di bawah Mukim Pekan Tutong iaitu Kampung Panchor, Petani, Penanjong, Penabai / Kuala Tutong

dan Sengkarai ikut serta dalam pertandingan tersebut.

Antara lain tujuan pertandingan diadakan bagi menggalakkan cara

hidup sihat melalui kesukanan dan mengeratkan hubungan antara sesama masyarakat kampung di Mukim Pekan Tutong.

Lahirkan pemain bola jaring berpotensi



PESTA Netball Kitani Bagi Tahun 2023 dilancarkan oleh Presiden Persatuan Bola Jaring Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas (atas), manakala gambar bawah, sekitar perlawanan tersebut.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Ahad, 6 Ogos. - Persatuan Bola Jaring Negara Brunei Darussalam (BNA) hari ini melancarkan Pesta Netball Kitani For 2023 (Pesta Bola Jaring Kitani Bagi Tahun 2023) di Dewan



Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas di sini.

Hadir melancarkan pesta berkenaan, Presiden BNA, Leftenan Kolonel (B) Hajah Wan Shahlimar binti Haji Suhaili.

Acara diisikan dengan aktiviti zumba bagi pemanasan badan daripada tenaga pengajar dari Gimnasium Victorious yang disertai oleh para peserta daripada pelbagai peringkat umur yang menyertai bola jaring dan disusuli dengan 'Fun Community Netball' dari jam 10.00 pagi sehingga 1.00 petang.

Matlamat pesta berkenaan adalah untuk mengenal pasti program melahirkan bakat kebangsaan, menemui dan memupuk pemain bola jaring muda yang berpotensi, dan menyediakan sokongan latihan dan pembangunan, termasuk tempat untuk menganjurkan kem latihan dan bengkel khusus.



Suntikan **AKSIN**
COVID-19 diberikan
secara **PERCUMA**
kepada semua
rakyat dan
penduduk yang
bermastautin di
Negara Brunei
Darussalam

www.moh.gov.bn | f | 148



ePaper Pelita Brunei



BNA, SUPER SQUAD METERAI PERJANJIAN MEMBANGUNKAN BOLA JARING NEGARA



Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Bola Jaring Negara Brunei Darussalam

BERAKAS, Sabtu, 5 Ogos. - Ke arah mempromosikan dan membangunkan sukan Bola Jaring di Negara Brunei Darussalam dan melahirkan pemain terbaik negara melalui teknologi, data dan inovasi, Persatuan Bola Jaring Negara Brunei Darussalam (BNA) dan Super Squad menandatangani Perjanjian Perkongsian.

Majlis dihadiri oleh Presiden BNA, Leftenan Kolonel (B) Hajah Wan Shahlimar binti Haji Suhaili; Ketua Eksekutif Super Squad, Mohd. Kamarul Faezal bin Haji A.

Murni; Jawatankuasa dan Ahli BNA dan Super Squad.

Perjanjian ditandatangani oleh Leftenan Kolonel (B) Hajah Wan Shahlimar dan Mohd. Kamarul Faezal dan disaksikan oleh para hadirin.

Matlamat perkongsian adalah untuk mengiktiraf inisiatif mengenal pasti bakat pemain kebangsaan dan untuk mendedahkan serta memupuk pemain bola jaring pelapis yang berkaliber, serta untuk menyediakan sokongan latihan dan pembangunan, termasuk

tempat untuk mengadakan kem latihan dan bengkel khusus.

Selain itu, platform itu juga akan digunakan untuk mengumpulkan pemain serta kempen pemasaran koperasi, acara dan projek.

Pelancaran Net Squad akan berlangsung dalam dua peringkat, iaitu peringkat pertama adalah pelancaran menggunakan aplikasi *web* Progresif (berasaskan *web*); dan yang kedua ialah pelancaran rasmi Net Squad dengan aplikasi digital akan dibina.

Apabila ini dilaksanakan, ia akan meningkatkan ekosistem bola jaring negara, di samping meningkatkan keterlibatan dan

PRESIDEN BNA, Leftenan Kolonel (B) Hajah Wan Shahlimar binti Haji Suhaili dan **Ketua Eksekutif Super Squad**, Mohd. Kamarul Faezal bin Haji A. Murni selepas menandatangani perjanjian perkongsian.

penyertaan bola jaring.

Net Squad juga menyediakan pemain bola jaring peluang untuk mengambil bahagian dalam permainan sosial yang menarik, berlatih dengan jurulatih yang berpengalaman, bersaing dalam kejohanan, dan mempunyai akses kepada persediaan kebangsaan.

Berikutan acara menandatangani tersebut, Super Squad menganjurkan saringan untuk separuh akhir Piala Dunia Bola Jaring 2023 di tempat yang sama.

Pada jam 5.00 petang, waktu tempatan, saringan separuh akhir akan disiarkan secara langsung, yang mana siaran langsung pertandingan separuh akhir itu boleh ditonton untuk umum, namun peserta memerlukan RSVP terlebih dahulu.

Aktiviti tersebut juga membolehkan persatuan, berinteraksi dengan orang ramai, yang meminati bola jaring, dan pada akhir siaran bola jaring, akan diadakan kuiz dan sesi perkongsian.



FESTIVAL tersebut adalah untuk memperkenalkan aktiviti sukan yang bersesuaian dengan keperluan fizikal dan pertumbuhan serta perkembangan kanak-kanak.

SR Pantai Berakas, SR Katok 'B', Juara Kluster 3, 4

SUNGAI AKAR, Ahad, 6 Ogos. - Sekolah Rendah Pantai Berakas dan Sekolah Rendah Katok 'B' muncul johan keseluruhan bagi Kluster 3 dan Kluster 4 pada Festival Olahraga Kanak-kanak Sekolah-sekolah Rendah Tahun 2023 berlangsung di Padang Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Sungai Akar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Pengarah Jabatan Kokurikulum, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat.

Festival ini diadakan selama tiga hari secara berasingan dengan empat acara yang dipertandingkan, iaitu Formula Bends, Slide Swing Throw, Rhythmic Jump Relay dan Ladder Recovery dan dibukakan kepada pelajar sekolah rendah kerajaan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan.

Seramai lebih kurang 745 murid termasuk murid-murid yang berkeperluan khas dari 62 buah sekolah rendah menyertai festival anjuran Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Antara objektif festival ini adalah untuk memperkenalkan aktiviti sukan yang sesuai dengan keperluan fizikal dan pertumbuhan serta perkembangan kanak-kanak.

Di samping itu, ia juga diharap dapat menarik minat kanak-kanak dalam aktiviti gerakan, memperkenalkan asas-asas pergerakan olahraga dalam bentuk permainan, merangsang

pertumbuhan dan perkembangan fizikal serta mempromosikan gaya hidup yang seimbang dan sihat, dan menggalakkan aspek keseronokan di dalam permainan.

Melalui pertandingan ini juga diharap akan dapat mempopularkan enam bidang olahraga melalui beberapa program pertandingan yang dipanggil 'A Team Event for Children', yang terdiri daripada tiga kumpulan acara, iaitu Sprinting / Running Event Group, Jumping Event Group dan Throwing Event Group.

Pertandingan terakhir bagi Kluster 5 dan Kluster 6 akan diadakan pada Ahad depan, 13 Ogos 2023 bertempat di Padang Pusat Tingkatan Enam Tutong.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA BERSANGKA BAIK DAN BERFIKIRAN POSITIF